



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMENKATUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL
*Ketiga
First Session*

Jilid III Bil. 26

Hari Rabu

27 hb Disember, 1989

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutaan (Pindaan)	(Ruangan 37)
Rang Undang—Undang Pertubuhan (Pindaan)	(Ruangan 37)
Rang Undang-Undang Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan)	(Ruangan 71)
Rang Undang-undang Kewangan (No. 2)	(Ruangan 94)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 27hb Disember, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAH-JAWAPAH MULOTS BAGI PERTANYAAH-PERTANYAAN

RTM - MENSWASTAKAN

1. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Penerangan menyatakan:-
 - (a) adakah pihak Kementerian merancang untuk menswastakan RTM tahun depan;
 - (b) apakah pihak Kementerian akan menentukan tempoh masa persembahan rancangan berbahasa Cina setiap minggu tidak akan berubah/berkurang sesudah RTM diswastakan; dan
 - (c) sama ada pihak Kementerian sedar masih terdapat banyak tayangan-tayangan gambar pelbagai bahasa yang berunsur pembunuhan, penculikan, rogol dan zina, balas dendam atau lain yang kurang sihat disiarkan dalam rancangan television. Kenapa rancangan segeгатif nilai itu masih ditayangkan.

Menteri Penerangan [Dato'Mohamed bin Rahmat]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan bahagian (a), saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan tidak ada cadangan untuk menswastakan RTM baik television ataupun radio. Namun begitu, Kementerian Penerangan sedang membuat kajian untuk mencadangkan kepada Kerajaan agar RTM

dijadikan sebagai sebuah perbadanan. Perkara ini telahpun dikemukakan kepada agensi-agensi pusat untuk kajian selanjutnya sebelum sesuatu keputusan dibuat oleh Kerajaan.

Menurut cadangan ini RTM sebagai sebuah perbadanan bukan sahaja dapat mengendalikan urusan pentadbiran dan kewangannya dengan lebih cekap dan bebas, tetapi apa yang lebih penting ialah dapat meringankan beban Kerajaan terhadap RTM pada masa-masa akan datang. Ia juga akan membolehkan RTM memainkan peranan yang lebih berkesan mengikut perkembangan dan keperluan semasa.

Mengenai soalan (b), perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah timbul setakat ini.

Mengenai soalan (c), suka saya memaklumkan bahawa Kementerian sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengurangkan adegan-adegan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Pada masa ini, satu Jawatankuasa Peringkat Menteri sedang mengkaji satu 'Kod Etika Penyiaran' yang akan mengandungi garis-garis panduan tentang bahah-bahan siaran di television dan di radio. Garis-garis panduan tersebut akan membantu Kementerian ini menapis dengan lebih rapi dari segi adegan yang terlalu ganas seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu serta juga perkara-perkara lain yang dianggap tidak sesuai dan negatif.

Puan Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri Penerangan walaupun saya rasa soalan ini agak terkeluar sedikit daripada soalan asal tetapi saya rasa ada kaitannya dengan soalan (a) Kenapakah bayaran lesen TV masih dikenakan \$24 sedangkan dahulu lesen radio dan TV ialah \$24 juga? Kenapakah tidak dikurangkan dan adakah Wakil-wakil Rakyat atau Ahli-ahli Parlimen dikenakan bayaran juga? Kepada siapakah agaknya dikecualikan lesen tersebut?

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa bayaran lesen TV di Malaysia ini adalah di antara yang terendah sekali di seluruh dunia. Kita hanya mengenakan \$2 setahun sahaja. Secara perbandingan, kalau di London bayarannya ialah kira-kira £70 setahun darab \$4.20, boleh jadi sebanyak \$400 setahun. Di Jepun pun tinggi. Kita bersyukur bahawa bayaran untuk lesen TV di Malaysia rendah sekali kerana kita fiktr kita tidak payah membebankan sangat rakyat jelata dengan melalui bayaran lesen-lesen yang terlalu tinggi. Malahan baru-baru ini, Kementerian Penerangan ada mencadangkan kepada Kerajaan supaya dinaikkan bayaran lesen TV ini kerana menimbangkan kos pengendalian television semakin meningkat tetapi cadangan Kementerian telah ditolak oleh Kerajaan kerana Kerajaan menimbangkan akan susah payah rakyat. Kalau yang mampu saya fikir tidak menjadi masalah tetapi kerana TV sudah menjadi satu alat untuk rakyat jelata maka atas kepentingan rakyat jelata, Kerajaan memikirkan ada baiknya tidak dinaikkan kadar bayaran lesen TV yang ada sekarang ini. Namun begitu, bayaran untuk lesen radio dihapuskan. Dengan hal yang demikian, beban untuk rakyat jelata untuk memiliki radio dan television ini adalah amat ringan sekali.

Mengenai kedudukan Wakil-wakil Rakyat termasuk Senator, mereka tidak dikecualikan daripada membayar lesen TV ini dan mengikut undang-undang, semua orang mesti membayar lesen TV kecuali pegawai-pegawai tertentu di Kementerian yang ada urusan untuk monitor, dengan izin, rancangan-rancangan television sebagai suatu kawalan yang memang perlu dibuat daripada masa ke semasa.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ini ada kaitan sedikit dengan

bahagian (c) daripada pertanyaan asal iaitu mengenai , tayangan-tayangan yang dibuat di television kita terutamanya, Seperti kelazimannya, apabila kita sampai ke penghujung tahun, pihak-pihak akhbar selalu membuat kajian dan penilaian tentang persembahan yang dibuat melalui kaca television kita dan setiap tahun saya rasa apa yang dinilai itu lebih kurang sama iaitu tayangan-tayangan drama swasta buatan tempatan kita ini selalunya mendapat No. 1 daripada bawah. Jadi, saya ingin menanyakan sama ada penilaian yang dibuat melalui akhbar-akhbar ini ada benarnya dan jika ya sedemikian, apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk meningkatkan penerimaannya supaya ia jangan sentiasa tinggal No. 1 daripada bawah dari segi penerimaan penonton.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengikut makluman yang ada pada saya, kedudukan drama swasta adalah mempunyai rating yang paling tinggi sekali dan perkara ini telah dibuktikan melalui SRM atau Standard Research of Malaysia yang kita gunakan untuk membuat penilaian kepada program-program televisyen yang disiarkan baik oleh RTM mahupun oleh TV3. Dengan hal demikian, pendapat Yang Berhormat itu, saya fikir agak terkeliru sedikit. Memang kalau ditanyakan tentang pendapat rakyat bandar atau orang-orang yang bukan Melayu menerima drama swasta ini, pandangan mereka boleh menepati kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu. Tetapi daripada apa yang telah kita saksikan melalui 'research' yang telah dilakukan tentang rancangan-rancangan televisyen bahawa drama swasta mendapat tempat yang paling besar peminatnya di kalangan penonton- penonton televisyen. Malahan dari segi penaja-penaja, rancangan-rancangan televisyen, banyak daripada pengiklan-pengiklan kita memilih rancangan drama swasta kerana drama swasta ini ditonton oleh kira-kira 60%-65% daripada penonton TV di seluruh tanah air. Namun begitu, usaha sedang dibuat bagi meningkatkan mutu daripada drama swasta atau rancangan-rancangan teleyisyen tempatan ini.

Dalam kita hendak mencapai matlamat itu, pada 30hb ini, RTM akan menganjurkan "Malam Seri Angkasa" untuk menentukan rancangan-rancangan tempatan yang terbaik. Agar dengan cara begini, mutu drama-drama swasta pada masa akan datang akan dapat diperbaiki lagi. Bersama itu, Kementerian Penerangan sudah pun juga mempersetujui untuk meningkatkan bayaran bagi drama swasta tempatan yang mempunyai kualiti yang tinggi. Kalau setakat ini kita ada tiga grading iaitu grading A, B dan C. A ialah sebanyak \$60,000, B - \$55,000 dan C -

\$45,000. Kita telah bersetuju untuk menaikkan kadar ini kepada \$100,000 tetapi ia tidak semua drama swasta, saya percaya akan dapat menikmati kadar yang baru ini melainkan mereka boleh melahirkan rancangan televisyen tempatan yang amat bermutu sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu sahaja lagi soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Azman Atar bin Othman.

Tuan Azman Atar bin Othman; Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membuat soalan tambahan. Saya percaya soalan tambahan saya ini juga tidak terkeluar dan ada kaitan dengan soalan asal. Ketika Yang Berhormat sebagai Menteri yang bertanggungjawab di atas TV dan radio tidak berada di dalam negeri baru-baru ini, satu peristiwa yang menyedihkan dalam negara ini iaitu satu kemalangan yang melibatkan pengorbanan 16 nyawa perwira-perwira negara. Tetapi ketika kami semua sedang menonton televisyen dalam siaran warta berita, sedang ditunjukkan gambar bagaimana mayat berkelempang dan perasaan dengan begitu sedih, tiba-tiba diselitkan dengan iklan, dengan bunyian muzik yang boleh menimbulkan perasaan marah. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat adakah Yang Berhormat ingin mengambil berat dan mengambil perhatian atas teguran seluruh Ahli-ahli Dewan Negara terhadap program warta berita ini supaya jangan dicampuradukkan dengan iklan. Itu yang saya ingin tahu. Terima kasih.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak berada dalam negeri, saya juga mengikuti tentang pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan Negara mengenai rancangan-rancangan televisyen, terutama juga mengenai masalah iklan

ini. Saya amat peka kepada teguran rakyat jelata termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai gangguan-gangguan yang dianggap terlalu banyak dari segi iklan-iklan ini. Kita telah memersetujui iklan-iklan ini. Pertamanya, kita hendak memajukan lagi industri di dalam negara dan juga hendak memajukan lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di Malaysia ini untuk kepentingan para pengguna dan kepada tuan-tuan punya perusahaan-perusahaan itu.

Mengikut undang-undang yang ada sekarang ini, iklan ini ada termasuk di dalam undang-undang penyiaran atau dalam Akta Penyiaran yang telahpun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun yang lalu. Dan dari segi undang-undang itu bukan sahaja masa untuk iklan itu ditetapkan oleh undang-undang, tetapi kandungannya iklan juga ditentukan daripada masa ke semasa. Mengikut peraturan yang ada sekarang, iklan yang boleh disiarkan bagi rancangan yang berbentuk 60 minit atau satu jam maximum, masa yang diizinkan untuk iklan ialah 10 minit sahaja. Bagi rancangan yang berbentuk 30 minit, ia ditentukan untuk 5 minit sahaja. Saya faham bahawa waktu 10 minit bagi rancangan satu jam atau 5 minit bagi rancangan setengah jam ini boleh dianggap sebagai agak berlebihan kepada setengah-setengah penonton sebab iklan-iklan ini telah ditentukan boleh disiarkan pada awal program, pada tengah program atau pada akhir program, Kalau rancangan satu jam itu boleh jadi 2 1/2 minit daripada awal program, selepas 15 minit boleh lagi 2 1/2 minit, pada peringkat 30 minit boleh keluar lagi seterusnya 40 minit dan 60 minit itu.

Memang banyak pandangan-pandangan telah diberikan mengenai iklan ini. Dengan hal demikian, Kementerian telahpun memberikan perhatian kepada pandangan-pandangan yang telah diberikan itu.

Kita bercadang untuk mengadakan satu kajian yang menyeluruh mengenai perkara ini agar penonton-penonton tidak terlalu terganggu dengan iklan-iklan yang ada. Di samping itu, matlamat kita wujudkan iklan bagi radio dan TV ini tercapai sepenuhnya.

Mengenai iklan yang keluar semasa peristiwa sedih berlaku tentang kemalangan helikopter yang baru-baru ini, kebetulan saya tidak ada. Saya akan melihat perkara ini, dan kalau boleh, pada masa-masa ke hadapan apabila supaya ditayangkan kejadian-kejadian yang menyayatkan hati supaya iklan di peringkat itu tidak payah disiarkan atau diberikan masa yang lebih sesuai. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat di atas teguran dan pandangan yang jujur ini dan saya menerima pandangan-pandangan itu dengan hati yang terbuka dan akan mengambil tindakan-tindakan yang saya rasa perlu.

[Tepuk]

IKLAN DAN PAPANTANDA PERNIAGAAN SERAGAM

2. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah peraturan pengiklanan dan papantanda perniagaan yang seragam akan diumumkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Kecil Iklan seragam di bawah Akta Kerajaan Tempatan telahpun diumumkan oleh pihak Kerajaan Pusat. Namun demikian Akta ini hendaklah lebih dahulu diwartakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri sebelum daripada undang-undang ini digunakan sepenuhnya oleh pihak Majlis-majlis Perbandaran atau Penguasa-penguasa Tempatan.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sedikit butir-butir peraturan pengiklanan dan papantanda yang akan diumumkan.

Datuk Raja Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang kecil ini terletak pada bidangkuasa Penguasa-penguasa Tempatan terutama Penguasa-penguasa Tempatan Negeri. Namun demikian bagi pihak Kementerian telah menggariskan sebagai panduan di bawah undang-undang kecil ini pada 30.9.1988 kepada jawatankuasa bersama di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Pada 27.11.1988 dikemukakan pula kepada jawatankuasa bersama dengan jawatankuasa Majlis-majlis Perbandaran. Oleh yang demikian, segala apa yang terkandung di dalamnya akan diputuskan oleh pihak penguasa-penguasa itu sendiri.

MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA - RESOLUSI

3. Tuan V.K. Sellapan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) dengan lanjut mengenai persiapan resolusi-resolusi dalam Majlis Perunding Ekonomi Negara;
- (b) adakah resolusi-resolusi tersebut akan dibincangkan dalam Jemaah Menteri dan seterusnya di Parlimen; dan
- (c) adakah resolusi-resolusi tersebut akan dimaklumkan kepada orang awam melalui media sebaran am.

Perdana Menteri [Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Majlis Perundingan Ekonomi Negara atau MPEN ditubuhkan oleh Kerajaan dengan tujuan untuk memberi peluang kepada berbagai golongan masyarakat mengambil bahagian dan mengemukakan pandangan-pandangan mereka mengenai Dasar Ekonomi Baru dan dasar selepas 1990. Berdasarkan laporan-laporan yang diterima, Majlis telahpun mencapai satu tahap kemajuan kerja yang menggalakkan. Majlis telahpun mengadakan sebanyak 12 sidang pleno dan akan meneruskan sidang ke 13 pada 17, 18 dan 19 Januari 1990.

Berhubung dengan pandangan-pandangan dan rumusan-rumusan yang akan dikemukakan oleh MPEN, setakat ini kesemua lima buah jawatankuasa yang ditubuhkan telahpun mengemukakan laporan masing-masing kepada sidang pleno. Jawatankuasa-jawatankuasa yang berkenaan ialah:

- (a) Jawatankuasa Pengutipan Metodologi dan Analisa Data;
- (b) Jawatankuasa Mengkaji Prestasi Pelaksanaan Dasar Pembasmian Kemiskinan;
- (c) Jawatankuasa Mengkaji Prestasi Pelaksanaan Dasar Penyusunan Semula Masyarakat;
- (d) Jawatankuasa Berkenaan Ekonomi Negara dan Perkembangan Antarabangsa; dan
- (e) Jawatankuasa Pembangunan Sumber Tenaga Manusia.

Perbincangan ke atas laporan-laporan jawatankuasa ini telahpun selesai, kecuali Laporan Jawatankuasa Pembangunan Sumber Tenaga Manusia yang akan diteruskan dalam sidang pleno yang akan datang. Di samping itu, Jawatankuasa Perpaduan Negara yang ditubuhkan khas untuk mengkaji kesan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru terhadap matlamat perpaduan negara telahpun menyiapkan laporannya dan akan membentangkannya untuk perbincangan di sidang pleno yang akan datang ini.

Majlis dijangka akan mula membincangkan laporan penuh MPEN selepas sidang pleno ini. Laporan tersebut akan mengambil kira segala rumusan dan cadangan oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan serta perbincangan-perbincangan yang akan diadakan dalam sidang pleno. Laporan akhir akan dikemukakan kepada Kerajaan apabila Majlis telah berpuas hati dengan laporan tersebut.

Kerajaan dengan penuh tanggungjawab akan menimbangkan segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh MPEN sebelum sesuatu dasar baru selepas 1990 diumumkan. Kerajaan belum lagi memutuskan sama ada laporan akhir MPEN akan dibincangkan di Parlimen atau sama ada ia akan diedarkan kepada orang awam melalui sebaran am.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya mengucapkan syabas di atas kepimpinan Yang Amat Berhormat walaupun Yang Amat Berhormat mempunyai kuasa sebagai Perdana Menteri di dalam membentuk dasar negara tetapi di dalam soal dasar ekonomi ini Yang Amat Berhormat pulangkan kepada rakyat dan membentuk satu jawatankuasa. Oleh kerana terdapat ada golongan yang pada mulanya bersama-satna di dalam membentuk dasar di dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara ini tetapi akhirnya mereka menarik diri..

Adakah tujuan Kerajaan supaya memberitahu kepada rakyat jelata bahawa mereka ini tidak mahu terlibat kerana mereka mahu jadikan sebagai satu isu politik di dalam menghadapi pilihanraya. Kalau sekiranya mereka bersama-sama terlibat di dalam membentuk dasar ekonomi negara ini maka mereka tidak ada peluang hendak bantai Kerajaan. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat adakah satu-satu cara Kerajaan akan memberitahu melalui sebaran am kepada seluruh rakyat jelata di atas tindak-tanduk mereka yang menarik diri daripada menjadi ahli jawatankuasa itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, rakyat umumnya sudahpun mengetahui tentang penarikan diri pihak ini dan dengan penarikan diri pihak ini agak jelaslah bahawa mereka bukan mengutamakan perpaduan ataupun pembangunan ekonomi negara tetapi lebih mengutamakan pengaruh mereka dalam bidang politik untuk mencari sokongan di dalam pilihanraya yang akan datang.

Tuan A.K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa kedudukan ekonomi kaum India tidak begitu jelas apabila mereka dijadualkan di bawah kategori bukan Melayu seperti sekarang.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memastikan supaya kaum India mendapat sebahagian daripada kadar ekonomi yang diperuntukkan kepada bukan Melayu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kadar ekonomi dalam Dasar Ekonomi Baru kepada bumiputera dan bukan bumiputera sudahpun diterangkan. Tidak ada peruntukan dalam Dasar Ekonomi Baru tentang Melayu dan bukan Melayu, hanya bumiputera dan bukan bumiputera sahaja.

Berkenaan dengan kedudukan orang-orang keturunan India dalam Dasar Ekonomi Baru memang mereka disamakan dengan semua rakyat yang bukan bumiputera. Kalau kita mengasingkan mereka maka kita juga terpaksa mengasingkan kumpulan-kumpulan yang lain seperti orang-orang keturunan Portugis, Siam dan kaum-kaum bumiputera yang lain juga seperti orang Dusun, Kadazan, Bajau, Murut dan sebagainya supaya masing-masing mendapat hak mengikut peratusan masing-masing dan ini akan menyukarkan lagi soal penyusunan semula masyarakat. Namun demikian wakil daripada orang-orang keturunan India berada di dalam MPEN. Maka terpulanglah kepada mereka untuk menentukan sama ada mereka suka diasingkan ataupun tidak dan jika mereka suka maka harus juga mereka terima bahawa kaum-kaum lain juga mesti diasingkan di dalam negara kita ini. Justeru itu, maka perpaduan sudah tentu tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja lagi soalan. Sila Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, Yang amat Berhormat tadi berasa begitu optimis dengan usaha MPEN ini. Tetapi bagaimanapun saya hendak buat soalan juga, iaitu apakah ada kemungkinan MPEN ini akan gagal dalam usahanya untuk mencapai kata sepakat. Sekiranya ada kemungkinan, apakah tindakan Kerajaan selanjutnya?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dengan penubuhan MPEN ini kita berharap semua yang mengambil bahagian dapat berunding dan mencapai consensus, yang mana ini sudah tentu akan merupakan kejayaan MPEN. Oleh kerana sudah ada penarikan diri oleh pihak tertentu maka jelas sekali bahawa MPEN sebagai badan consensus tidak berjaya, walaupun dianya berjaya dalam membentuk bentuk Rancangan Ekonomi Selepas 1990, yang mana sudah tentu pihak Kerajaan tidak dapat menerima semuanya, kerana consensus yang dikehendaki tidak tercapai dengan penarikan diri beberapa pihak.

ANTI-ESTABLISHMENT DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

4. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rancangan dan tindakan Kementerian bagi mengatasi perkembangan yang kurang sihat di institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini yang berkaitan dengan:-

1. Anti-Establishment;
2. Penagihan Dadah;
3. Berpolitik menentang Kerajaan; dan
4. Tindakan liar dan ganas.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah-masalah yang dinyatakan seperti anti-establishment, penagihan dadah, berpolitik menentang Kerajaan dan tindakan liar dan ganas, tidak merupakan aktiviti-aktiviti yang dapat mengubah kegiatan penuntut-penuntut di institusi pendidikan tinggi.

Jumlah pelajar yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti ini tidak sampai ke angka 1% tetapi masyarakat luar kampus menganggapnya sebagai suatu masalah yang besar. Kementerian Pendidikan masih berkeyakinan bahawa majoriti pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi lebih menumpukan masa dan tenaga mereka kepada pelajaran demi untuk mencapai kecemerlangan akademik di dalam usaha untuk memberi sumbangan kepada keluarga, diri dan negara. Universiti-universiti mempunyai peraturan-peraturan yang cukup dalam Akta Universiti dan Kolej, umpamanya di bawah Bahagian Tata tertib yang mampu dan cukup untuk mengatasi masalah yang dinyatakan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, ialah selain daripada pelajar-pelajar yang dibangkitkan ini, saya rasa tidak kurang juga tenaga pengajar ataupun pentadbir sesebuah institusi itu yang terlibat dengan gejala-gejala yang dinyatakan ini.

Apakah Kementerian ada membuat siasatan ataupun tindakan berkaitan dengan pihak-pihak penganjur ataupun pentadbir di Institusi ini, sebagaimana yang telah pernah kita baca amaran oleh Menteri Pendidikan sendiri kepada yang terlibat itu supaya berfikir panjang terutama dengan fahaman Marxist dan Leninistnya.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, pentadbir-pentadbir dan pensyarah-pensyarah adalah kakitangan Kerajaan, dan mereka boleh dikawal mengikut General Orders dan lain-lain undang-undang yang berkait dengan pegawai-pegawai Kerajaan. Sekiranya mereka membuat sesuatu tindakan yang sudah melanggar kepada peruntukan-peruntukan undangan itu dan Kementerian Pendidikan dapat laporan atau aduan dari pihak universiti atau orang awam, satu siasatan akan dijalankan dan sekiranya mereka sudah salah, tindakan sesuai akan diambil terhadap mereka. Sekiranya mereka tidak membuat satu tindakan atau kenyataan umum, dengan satu fikiran sahaja itu kita tidak dapatlah mengambil apa-apa tindakan, sebab itu adalah satu fikiran peribadi mereka.

Tuan A.K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan Kementerian Pendidikan supaya kes penderaan di kalangan penuntut di universiti tidak berulang lagi?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telahpun mengarahkan kepada semua universiti untuk mengawal perkara itu dan sekiranya ada lagi pelajar-pelajar meneruskan tindakan yang tidak sihat itu, universiti-universiti akan menjalankan tindakan yang keras terhadap mereka. Seperti kita termaklum ada beberapa pelajar yang sudahpun dibuang dari universiti itu dan dengan tindakan-tindakan keras yang sudah diambil itu kita harap pelajar-pelajar yang akan datang akan tidak menjalankan kegiatan yang tidak sihat seperti ini.

KURSUS MENGENAI PENTADBIRAN NEGARA

5. Puan Hajjah Habidah binti Jusoh minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa terdapat kebanyakan kakitangan/staff hospital sama ada di peringkat doktor, pentadbiran ataupun kakitangan beruniform bawahan, tidak mengenal hakikat pentadbiran negara (tidak memahami sivik negara), oleh itu:

- (a) pernahkah Kementerian mengadakan kursus mengenai pentadbiran negara dan negeri kepada mereka ini;
- (b) adakah di kalangan mereka itu tidak mengerti makna Wakil Rakyat atau Ahli Dewan Negara atau Ahli Dewan Negeri dan kuasa-kuasa yang diberikan kepada mereka itu; dan
- (c) tindakan perlu pendedahan ini dilakukan dengan seberapa segera oleh Kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Chua Jui Meng] : Tuan Yang di-Pertua, semua pegawai-pegawai di dalam Kumpulan A dan B dikehendaki menduduki Peperiksaan Am Kerajaan mulai 1hb Januari 1978, sebagai salah satu syarat pengesahan dalam jawatan bagi pegawai-pegawai Kumpulan A dan B dalam Perkhidmatan Awam. Oleh yang demikian, semua pegawai-pegawai di Kementerian Kesihatan dalam Kumpulan A dan B mengetahui mengenai pentadbiran negara kerana sukatan peperiksaan merangkumi aspek-aspek berikut:

- (i) Perlembagaan Malaysia dan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri;
- (ii) sistem Kerajaan berParlimen di Malaysia;
- (iii) susunan jentera pentadbiran seperti struktur negeri dan Kerajaan Tempatan serta pertalian dengan Badan-badan Berkanun di peringkat Persekutuan dan Negeri; dan
- (iv) sistem pentadbiran dan jentera pelaksanaan yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Kementerian Kesihatan menghantar juga kakitangannya menghadiri Kursus Perhubungan Awam di INTAN, untuk selama satu minggu di mana kandungan kursus seperti berikut diajar kepada peserta-peserta iaitu:

- (a) susunatur jentera Kerajaan;
- (b) perhubungan di antara Kerajaan;
- (c) perkhidmatan Awam dan orang ramai;

Kementerian Kesihatan menghantar kakitangan Kumpulan C dan D untuk kursus ini. Sementara itu, kursus-kursus yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan seperti Jururawat, Jururawat Desa, Pegawai Pelajaran Kesihatan dan Pembantu Kesihatan Awam mempunyai aspek-aspek pentadbiran di dalam sukatan pelajaran mereka. Di samping itu, Kementerian Kesihatan akan memperkukuhkan lagi aspek pentadbiran negara dan negeri di dalam semua kurikulum latihan yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Dato' Azumu.

Dato' Azuma bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah doktor-doktor yang diambil dengan kontrak itu juga mengikuti kursus seumpama ini?

Tuan Chua Jui Meng: Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sejauh yang saya tahu, pada kini kita tidak ada apa-apa rancangan untuk mengambil doktor-doktor kontrak dalam skim latihan yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sedar bahawa apa yang saya katakan tadi kerana saya pernah menjumpai doktor, yang mana tidak tahu apa itu Parlimen semasa saya menyatakan kepada doktor tersebut, bahawa saya mendapat bekalan ubat darah tinggi daripada Klinik Parlimen yang mana doktor itu menanyai saya apa itu Parlimen dan di mana kliniknya. Inilah sebabnya soalan ini saya timbulkan di sini.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan di sini saya bukan Timbalan Menteri, belum sampai tahap itu - Setia-usaha Parlimen sahaja.

Yang kedua, mungkin doktor yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Habidah itu mungkin dia bergurau sahaja dengan Yang Berhormat, bukan serius. Kalau Yang Berhormat boleh memberikan nama kepada saya, pada tahun akan datang, saya akan menghantar dia ke INTAN untuk mengikuti kursus. **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja lagi, silakan Yang Berhormat Puan Ainon.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya ingin bertanya mengenai status Wakil Rakyat dan Senator di hospital-hospital. Apakah mereka ini berhak menikmati layanan VIP atau tidak, kerana sepanjang pengetahuan saya ramai di antara mereka telah tidak dilayan sebagai VIP dan tidak dibenarkan pun duduk di Bilik Menunggu yang ada disediakan bertulis di luarnya "VIP".

Tuan Chua Jui Meng: Yang Berhormat, itu disebutkan dalam Kementerian Kesihatan sebagai "sindrom VIP" **[Ketawa]** tetapi sebenarnya saya sudah minta daripada pihak pentadbir Kementerian saya mengenai status Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parlimen merangkumi Senator-senator dan Wakil-wakil Rakyat yang lain, Saya diberikan satu VIP protocol di mana disebutkan atau disenaraikan golongan-golongan yang dianggap sebagai VIP oleh Kementerian

Kesihatan, tetapi saya tidak nampak ada Ahli-ahli Parlimen atau Wakil Rakyat dalam golongan tersebut dan saya tanya "Kenapa ini?" sebab Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, keluarga Diraja, ketua-ketua negeri asing dan Menteri-menteri Besar dimasukkan dalam senarai itu, saya minta kenapa Ahli-ahli Parlimen yang merupakan Dewan yang tertinggi di negara ini tidak diberi status VIP. Mereka mengatakan ini terpulang kepada negeri, sebab ada di dalam senarai itu yang akhir sekali (last) ada satu golongan iaitu golongan-golongan yang ditentukan oleh pentadbir negeri, itu terpulang kepada negeri. Tetapi untuk saya, bila seseorang Yang Berhormat dari Senate ini pergi ke hospital, tentulah kakitangan-kakitangan akan memberi layanan yang lebih tinggi kepada mereka, kalau tidak berikan nama mereka, saya akan hantarkan mereka mengikuti kursus-kursus di INTAN juga, [Ketawa] itulah sahaja. Tetapi, rasa saya, bila kita pergi, kita tunjukkanlah kad pengenalan Ahli Parlimen seperti yang saya ada di sini, kad pengenalan tunjuk kepada dia - saya seorang Senator, saya Senator Ainon binti Ariffin daripada Senate, tentulah kebanyakan mereka akan melayan Yang Berhormat dengan lebih bersopan-santun dan lebih berkesan lagi.

KEHILANGAN BARTA AKIBAT KEBAKARAN

6. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah jumlah kehilangan harta akibat kebakaran sepanjang tahun 1989.

- (a) bagaimanakah jumlah ini jika dibandingkan dengan tahun lalu; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyedarkan rakyat terhadap penghindaran kebakaran.

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kebakaran berlaku pada tahun ini jauh lebih banyak daripada tahun 1988, namun kerugian harta kita dapat kurangkan kerana kerugian pada tahun 1988 berjumlah \$206.62 juta manakala kerugian pada tahun 1989 ialah sebanyak \$181.68 juta.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil di antaranya ialah melancarkan Minggu Kampan Mencegah Kebakaran dan mengadakan penerangan-penerangan melalui kursus-kursus sivik ataupun penerangan-penerangan secara langsung dengan orang ramai, mengadakan ceramah-ceramah di tempat-tempat tertentu, menerapkan pelajaran mencegah kebakaran dan mengawal kebakaran kepada kurikulum di sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab serta menyediakan garis panduan-garis panduan kepada orang ramai bagaimana untuk mencegah dan melawan kebakaran, dan menyediakan program anak angkat kepada pili-pili bomba serta menggalakkan sebanyak-banyaknya masyarakat untuk menyertai anggota-anggota bomba sukarela.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu di Dewan ini bahawa berapa banyakkah kehilangan nyawa pada masa yang sama?

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaklumkan kepada saya pada tahun ini telah menjangkau kehilangan nyawa seramai 42 orang.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Media-media massa mahupun elektronik ataupun percetakan sentiasa mengutamakan kehilangan harta sahaja. Saya ingin tahu, berapa orangkah ahli-ahli bomba telah terkorban nyawa pada masa mereka bertugas untuk memadamkan kebakaran dan apakah ganjaran Kementerian telah beri kepada mereka yang berkenaan?

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana lahir sudah perasaan ikut sama-sama kasih kepada keluarga anggota bomba oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Oleh kerana tidak ditentukan tahap masa kepada saya, maka mengikut pengetahuan apa yang ada dalam pengetahuan saya sekarang, sudah ada 2 anggota bomba yang mati akibat kebakaran.

IKAN TUNA - HASIL TANGKAPAN

7. Tuau Syed Abdul Hamid bin Sagaff minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah hasil tangkapan ikan tuna di bawah projek bersama Malaysia Thailand dan adakah usaha dijalankan untuk mamproses ikan-ikan ini di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Ong Tin Kim]:

Tuan Yang di-Pertua, laporan hasil tangkapan ikan tuna di bawah projek kerjasama Malaysia-Thailand ialah 1,211 tan metrik dalam tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, usaha juga sedang diambil untuk menggalakkan memproses ikan di Malaysia. Sebagai contoh, di Terengganu, PERFIMA sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Terengganu dan sebuah syarikat swasta di Pulau Pinang mempunyai kilang-kilang untuk memproses ikan tuna dan lain-lain ikan juga.

TANAH REZAB ORANG ASLI

8. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan keluasan tanah dan tempat-tempatnya Tanah Rezab Orang Asli yang telah dan akan dibangunkan oleh FELCRA dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini, iaitu selain peruntukan yang diberikan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli kepada pihak FELCRA untuk dibangunkan, jika tidak ada mengapa mamandangkan tanah rezab Orang Asli didapati masih banyak lagi yang belum dibangunkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Mohamed bin Jamrah]: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima iaitu sehingga September 1989, seluas 4,750 hektar kawasan tanah-tanah Rezab Orang Asli telah dimajukan oleh pihak Kementerian melalui agensi FELCRA. Rancangan-rancangan tersebut ialah 5 buah di negeri Selangor, 8 buah di Johor, 7 buah di Pahang, 2 buah di Negeri Sembilan, 2 buah di Terengganu, 1 buah di Kelantan dan 1 buah di Perak.

Bagi tahun 1990 pula, pihak Kementerian ini sedang merancang untuk memajukan kawasan seluas 3,140 hektar lagi kawasan tanah Rezab Orang Asli di seluruh negara.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada FELCRA, apakah agensi-agensi lain yang turut sama di dalam usaha-usaha membangun ataupun memajukan tanah-tanah Rezab Orang Asli ini? Itu soalan yang pertama.

Yang keduanya, apakah yang merupakan masalah-masalah yang dihadapi dari segi membangunkan dan memajukan tanah-tanah Rezab Orang Asli ini?

Ketiganya, apakah pula merupakan rancangan-rancangan yang dijalankan dari segi penempatan semula Orang-orang Asli ini?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, saya kira selain daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Jabatan Orang Asli sendiri berkemungkinan turut terlibat, tetapi sana ada mereka terlibat di dalam penyatuan dan pemulihan tanah, saya tidak berapa pasti.

Berkenaan dengan masalah membangunkan masyarakat Orang Asli adalah terpulang kepada Orang-orang Asli itu sendiri. Sekiranya mereka menyahut seruan Kerajaan untuk mempercepatkan pemulihan dan penyatuan tanah-tanah mereka, maka Kerajaan akan sentiasa mamberikan kerjasama untuk membangunkan tanah-tanah Rezab Orang Asli ini.

Berkenaan dengan rancangan penempatan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, memang melalui agensi FELCRA di mana kita memulih dan menyatukan tanah-tanah Rezab Orang-orang Asli, kita juga membuat penempatan kepada mereka yang terlibat di dalam skim yang kita jalankan.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak mendapat sedikit penjelasan bahawa ada maklumat yang saya terima bahawa ada sebahagian masyarakat Orang Asli cuba menyingkirkan Orang-orang Asli yang telahpun memeluk agama Islam daripada masyarakat mereka. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan, adakah maklumat ini sampai kepada Kementerian yang berkenaan?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, saya kira soalan ini terkeluar sedikit daripada soalan asal dan juga soalan ini berkenaan dengan masalah keagamaan adalah di bawah bidangkuasa Negeri dan juga Jabatan Perdana Menteri. Jadi, yang saya boleh jawab berkenaan dengan kemajuan tanah yang saya terlibat di dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

PESAKIT PSIKIATRIK DAN DOKTOR PSIKIATRIK - JUMLAH

9. Tuan G. Rajoo minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah pesakit psikiatrik dan doktor psikiatrik di negara ini sekarang;
- (b) sama ada nisbah pesakit dan doktor psikiatrik berada dalam paras yang munasabah dan memuaskan; dan
- (c) jika tidak, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan nisbah ideal dapat dicapai sebelum tahun 1995.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 30,075 kes pesakit psikiatrik dalam telah dirawat di hospital-hospital Kementerian Kesihatan. Bagi pesakit luar pula sebanyak 34,544 kes psikiatrik telah dirawat di klinik-klinik pakar psikiatrik dan juga di Jabatan Pesakit luar di Hospital-hospital Kementerian Kesihatan. Sejumlah 47 pakar psikiatrik sedang bertugas di negara ini dan 9 dari bilangan ini bertugas di Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk memperbanyakkan lagi doktor psikiatrik dalam perkhidmatan Kerajaan supaya nisbah doktor-doktor psikiatrik dan pesakit berkaitan berada di dalam paras yang munasabah. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan nisbah yang ideal dapat dicapai sebelum 1995 ialah;

- (i) doktor-doktor yang berminat dalam psikiatri diberikan galakan melalui pemberian biasiswa melanjutkan pelajaran khusus dalam bidang psikiatrik;
- (ii) doktor-doktor yang baru dilantik sebagai Pegawai-pegawai Perubatan juga diberikan exposure kepada bidang psikiatrik. Mereka ini semasa menjalani posting dalam bidang-bidang perubatan akan terdedah kepada bidang yang berkenaan;
- (iii) melantik doktor-doktor psikiatrik daripada luar negeri.

Dengan langkah-langkah yang disebutkan di atas, Kementerian ini berharap akan dapat memperbanyak lagi doktor-doktor psikiatrik berkhidmat dengan Kerajaan menjelang tahun 1995.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah punca utama penyakit psikiatrik ini terjadi buat masa ini dan keadaan yang berlaku sekarang.

Kedua, apakah kadar orang yang mengidap penyakit ini ditahap yang tinggi kalau dibandingkan dengan negara-negara lain dalam dunia.

Tuan Chua Jui Meng: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Punca utama untuk mereka menghidapi penyakit psikiatrik atau sakit jiwa ialah tekanan (pressure) yang dialami oleh mereka di dalam masa kehidupan. Kedua, adalah mengenai hereditary yang diwarisi daripada ibu bapa atau datuk-datuk mereka.

Mengenai kadar itu, saya minta maaf, sebab tidak ada angka-angka mengenai kadar orang-orang yang mengidap penyakit ini jika dibandingkan dengan negara-negara asing.

LESEN BAHAN-BAHAN BAJA

10. Dr. Ng Khok Kiung minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan;

- (a) apakah kriteria untuk mendapatkan lesen bagi berniaga dalam bahan-bahan baja;
- (b) bilangan lesen yang telah dikeluarkan untuk berniaga dalam bahan-bahan baja; dan
- (c) apakah kriteria untuk membaharui lesen-lesen tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Dato Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sesiapa yang ingin memulakan perniagaan bahan-bahan baja petrokimia perlu mendapatkan kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum tahun 1974 daripada Kementerian ini terlebih dahulu.

Kriteria untuk mendapatkan kebenaran tersebut ialah:

- (i) mendapat surat sokongan daripada syarikat-syarikat pengeluaran atau pembekal baja;
- (ii) kawasan yang dipohon tidak mempunyai Persatuan Peladang Kawasan (PPK) yang aktif mengedar baja yang sama;
- (iii) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) atau Pertubuhan Peladang Negeri tiada halangan;
- (iv) pemohon telah lama menjalankan perniagaan.

Tuan Yang di-Partua, sehingga hari ini iaitu 27hb Disember, 1989 sebanyak 231 lesen bagi memasarkan dan mengedar baja telah dikeluarkan di bawah Seksyen 6(3) Akta Kemajuan Petroleum 1974 untuk membaharui kebenaran untuk memasarkan dan mengedar baja. Pemegang kebenaran hanya perlu memohon dengan membuat bayaran sebelum tempoh tamat kebenarannya.

Tuan P. Balaran: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dari-pada 231 lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan, bolehkah Yang Berhormat bagi tahu berapa lesenkah yang diberi kepada syarikat-syarikat bumiputera dan berapakah yang diberi kepada syarikat-syarikat bukan bumiputera.

Kedua, apakah kriteria yang digunakan oleh Kementerian Yang Berhormat untuk menentukan syarikat-syarikat bumiputera dan syarikat-syarikat bukan bumiputera.

Dato Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, daripada 231 lesen bagi memasar dan mengedar baja telah dikeluarkan di bawah Akta Kemajuan Petroleum, 51 adalah untuk bumiputera atau 22.1% dan 118 untuk bukan bumiputera atau 51.1% dan 62 atau 26.8% untuk usahasama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan kedua, syarikat yang bertaraf bumiputera oleh Kementerian ini ialah:-

- (i) mempunyai ekuiti bumiputera sebanyak 51% atau lebih;
- (ii) mempunyai Ahli Lembaga Pengarah Bumiputera sebanyak 51% atau lebih;
- (iii) mempunyai bilangan pekerja bumiputera sebanyak 51% atau lebih; dan
- (iv) mempunyai bumiputera sebanyak 51% atau lebih yang boleh menandatangani cek syarikat.

Tuan Tau Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dimaklumkan bahawa ada sesetengah syarikat yang berniaga dalam bahan-bahan baja selama 30 tahun tetapi permohonan membaharui lesennya ditolak. Saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan sebab-sebabnya.

Dato Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya tahu, semua syarikat yang memohon kebenaran lesen boleh dapat jikalau dia memenuhi syarat-syarat kebenaran di dalam peraturan Petroleum (Pindaan) 1981. Sekiranya ada sesetengah syarikat berniaga yang tidak mendapat lesen itu atau ditolak, saya minta maaf, saya tidak pasti syarikat ini. Sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh memberi nama syarikat berkenaan kepada saya, saya akan mengkaji permohonan itu.

INDUSTRI PERUMAHAN - KAWALAN HARGA

11. **Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan dengan permintaan yang meningkat dengan pesat yang dialami oleh industri perumahan sekarang, apakah Kerajaan bercadang untuk mengawal harga jualan bagi menjamin harga rumah tidak naik secara keterlaluan seperti mana yang dialami dalam tahun-tahun awal 1980an.

Dato' Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebarang peruntukan di dalam Akta Kemajuan Perumahan, Kawalan dan Pelesenan 1956 dan juga peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya yang mengawal harga-harga rumah. Ini bermakna harga-harga rumah ditetapkan berlandaskan kepada harga-harga bahan-bahan binaan. Walau bagaimanapun, harga rumah murah telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan tidak melebihi daripada \$25,000 bagi Semenanjung dan \$35,000 bagi Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa memberi perhatian di dalam menentukan harga-harga rumah ini melalui, apakala pemaju-pemaju swasta hendak memohon lesen iklan bagi menjual rumah-rumah mereka, maka di sini bagi pihak Kementerian mensyaratkan kepada mereka untuk meletakkan harga-harga bagi semua peringkat rumah yang dilaksanakan.

PENUBUHAN INDUSTRI OLEOKIMIA - GALAKAN

12. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dalam keadaan harga rendah dan pasaran lampau bagi minyak sawit, adakah Kerajaan menggalakkan penubuhan 'Industri Oleokimia'. Tindakan apakah Kerajaan telah ambil untuk menarik pelabur-pelabur yang berpotensi untuk mengambil bahagian dalam bidang ini sebagai ternyata dalam 'Pelan Induk Industri.'

Dato Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Perindustrian telah mengenalpasti industri oleokimia sebagai satu industri yang dapat berkembang maju memandangkan bahawa Malaysia mempunyai bahan mentah yang banyak untuk industri tersebut iaitu minyak kelapa sawit.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, industri oleokimia adalah merupakan aktiviti hiliran yang seharusnya digalakkan memandangkan ianya menggunakan bahan mentah tempatan dan dapat meningkatkan nilai tambahan atau value added kepada keluaran negara lebih-lebih lagi di dalam keadaan harga minyak kelapa sawit dunia yang rendah sekarang,

Di samping itu penubuhan industri oleokimia juga dapat membantu perkembangan industri-industri sokongan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada jangkaan Kerajaan oleokimia mempunyai potensi untuk menjadi bahan eksport utama negara ini, yang demikian Kerajaan adalah menggalakkan perkembangannya dengan memberi galakan cukai seperti taraf perintis kepada projek-projek keluaran oleokimia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 13 ini telah dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 14.

KES MEMBUNUH DIRI DI SEKOLAH

14. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) setakat ini bilangan kes-kes pembunuhan diri yang dilakukan oleh murid-murid di dalam sekolah-sekolah rendah dan menengah seperti kes Loh Siew Feng; dan
- (b) apakah sebab-sebabnya yang memaksa Loh Siew Feng membunuh diri.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Mengikut laporan yang diterima terdapat hanya satu kes membunuh diri yang berlaku di sekolah. Iaitu kes di Sekolah Menengah Jalan Cheras, di mana murid yang bernama Loh Siew Feng dijumpai tergantung dalam sebuah bilik darjah pada 17hb Oktober tahun ini.
- (b) Laporan yang diterima daripada pihak polis dengan kerjasama sekolah, menyebutkan bahawa pelajar berkenaan telah terlibat dalam perbuatan mencuri alat-alat tulis di sebuah pasaraya di Kuala Lumpur. Pelajar tersebut juga dilaporkan berada dalam keadaan risau dan takut akan tindakan yang akan diambil oleh ibu-bapanya terhadap kesalahan yang telah dilakukannya. Mungkin juga dengan keadaan begitu, pelajar berkenaan telah mengambil tindakan membunuh diri.

FILEM NEGARA - FUNGSI DAN PERANAN

15. Puan Mazidah binti Haji Zakaria minta Menteri Penerangan menyatakan tentang fungsi dan peranan Filem Negara sebagai agensi sebaran am, berbanding dengan Radio Relevisyen Malaysia. Apakah rancangan-rancangan masa depan bagi Filem Negara.

Menteri Penerangan [Dato' Mohamed bin Rahmat]: Tuan Yang di-Pertua, Filem Negara Malaysia sebagai sebuah Jabatan di bawah Kementerian Penerangan memainkan fungsi menerbit dan mengedarkan filem-filem kepada Jabatan Penerangan, stesen-stesen TV dan perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri melalui Wisma Putra. Jabatan ini menerbitkan berbagai-bagai filem seperti dokumentari, selingan dan treler mengenai dasar dan kempen-kempen Kerajaan. Filem Negara Malaysia juga merakam peristiwa-peristiwa penting dan bersejarah sebagai bahan arkib.

Selain daripada itu, Filem Negara Malaysia juga memberi berbagai perkhidmatan perfileman kepada pengusaha-pengusaha filem swasta serta lain-lain agensi Kerajaan.

Secara perbandingan Filem Negara Malaysia adalah sebuah 'production house', manakala RTM merupakan sebuah badan penyiaran yang menyebarkan kepada rakyat rancangan-rancangan dalam bentuk hiburan, penerangan, pendidikan dan lain-lain yang sejajar dengan dasar Kerajaan.

Sejajar dengan galakan Kerajaan untuk memajukan industri perfileman di negara ini maka Filem Negara Malaysia akan memainkan peranan yang lebih giat untuk melaksanakan fungsi-fungsinya pada masa akan datang.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih tetapi satu perkara yang mendatangkan sedikit kekeliruan kepada saya dari segi

peranan yang dimainkan oleh Filem Negara pada masa ini ialah saya merasakan seolah-olah ada timbul tindan tindih daripada tugas dan peranan yang dimainkan oleh Filem Negara dengan Televisyen Malaysia, terutama sekali dari segi menyimpan dokumen-dokumen ataupun filem-filem yang dijadikan bahan-bahan untuk arkib umpamanya kerana ke-dapatan Televisyen Malaysia pun boleh menjalankan peranan yang sedemikian dan tidakkah ada cadangan supaya ini diselarikan demi mengurangkan pembaziran dan soal tindan tindih.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat itu benar. Ada semacam pertindihan tanggungjawab yang ada pada Filem Negara dan juga Jabatan Penyiaran sendiri. Kalau dilihat dari segi aspek arkib, kita merasakan bahawa bahan-bahan arkib ini ada lebih baik disimpan dalam bentuk filem daripada berbentuk 'tape'. Memang banyak bahan-bahan arkib yang kita simpan sekarang ini adalah dalam bentuk filem. Namun begitu kita sedang melihat tentang kedudukan Filem Negara berbanding dengan peranan FINAS dan juga peranan RTM sendiri. Apakah perlu FINAS dan Filem Negara wujud berasingan atau apakah perlu Filem Negara itu digabungkan dengan Jabatan Penyiaran, kajian-kajian mengenai ini sedang kita buat dan apakah nanti Filem Negara akan wujud seperti yang ada sekarang ini, ini akan kita tentukan selepas kajian dibuat supaya masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari segi penindihan ini akan dapat dielakkan dan sebarang kerugian pula akan dapat dihapuskan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkah Yang Berhormat Menteri Penerangan bahawa filem-filem yang

disediakan oleh Filem Negara yang ditayangkan oleh Jabatan Penerangan di luar bandar ini tidak dapat sambutan daripada orang ramai. Sekiranya sedar, apakah cadangan ataupun tindakan Yang Berhormat Menteri supaya meningkatkan filem-filem ini supaya orang ramai boleh terima.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dikatakan bahawa filem-filem yang dikeluarkan oleh Filem Negara tidak mendapat penerimaan yang banyak daripada orang ramai, saya fikir perkara ini tidak benar. Sambutan kepada filem-filem yang dikeluarkan oleh Filem Negara masih baik, hanya masalah yang ada sekarang ialah tidak banyak pula filem-filem yang dikeluarkan oleh Filem Negara untuk tontonan orang ramai kerana adanya rancangan-rancangan televisyen yang lebih baik. Maka dalam hubungan ini kita sedang mengkaji untuk meningkatkan lagi keupayaan Jabatan Penerangan, terutama dari segi penggunaan peralatan yang lebih moden di dalam menyebarkan maklumat-maklumat untuk kepentingan orang ramai.

Maka dalam hubungan ini mungkin sepertimana telah kita lakukan sekarang ialah bagi penggunaan yang lebih banyak lagi, dari segi televisyen dan juga video recorder untuk kegunaan Pegawai-pegawai Penerangan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut hari ini sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 38 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG

UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN [PINDAAN]

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Kedua sekarang." [15hb Disember, 1989]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN [PINDAAN]

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.42 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta meminda Akta Pertubuhan 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan parti-parti politik adalah berbeza daripada pertubuhan-pertubuhan lain. Ia tidak ditubuh kerana hanya kepentingan ahli-ahlinya tetapi juga memberi sumbangan dan berkhidmat untuk masyarakat dan negara. Adalah menjadi cita-cita sesebuah parti politik supaya fahaman atau ideologi yang diperjuangkan parti itu dapat akhirnya mempengaruhi cara dan matlamat pemerintahan sesebuah negara. Ini bermakna kesan aktiviti-aktiviti parti politik akan melibatkan semua bidang kemasyarakatan iaitu politik, sosial dan ekonomi negara.

Dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti Malaysia tidak ada sekatan terhadap penubuhan parti politik melainkan jika ianya bertujuan menghapuskan sistem demokrasi atau bertujuan mencetuskan huru-hara dalam negara. Sebab itulah parti komunis tidak dibenarkan di negara kita. Di negara ini tidak ada paksaan terhadap rakyat untuk menyertai mana-mana parti politik. Setiap orang bebas memilih untuk menjadi ahli mana-mana parti politik mengikut selera dan kehendaknya. Seperti pertubuhan-pertubuhan lain kegiatan parti politik tertakluk kepada perlembagaan dan undang-undang kecilnya yang juga terkandung dalamnya segala dasar dan matlamat perjuangan parti. Untuk menentukan parti dapat berjalan dengan berkesan, satu badan pengurusan yang dianggotai oleh pegawai-pegawai tertentu terpaksa diadakan. Pemilihan pegawai-pegawai ini juga dibuat melalui peruntukan dalam perlembagaan parti. Demikian juga pemberhentian pegawai-pegawai ini boleh dibuat melalui peruntukan dalam perlembagaan parti. Dengan perkataan lain, sesebuah parti politik boleh mempunyai semua peruntukan untuk menentukan cara parti diperjuangkan.

Tuan Yang di-Pertua, di negara Malaysia sabagaimana juga dalam negara-negara yang demokratik dan mengamalkan pemerintahan mengikut

undang-undang, rakyat diberi hak untuk membawa segala rintihan dan masalah ke mahkamah untuk mendapatkan penyelesaian. Ini menyang proses yang adil dan berasas, tetapi penyelesaian melalui mahkamah adalah cara yang terakhir selepas cara-cara yang lain gagal. Jika semua masalah dan rintihan rakyat dibawa ke mahkamah untuk penyelesaian, pemerintahan tidak mungkin mengadakan bilangan mahkamah yang mencukupi.

Dalam keadaan Undang-undang Partubuhan yang ada sekarang, mana-mana anggota sesebuah parti politik boleh mengambil tindakan mahkamah terhadap parti atau mana-mana anggota parti yang lain mengenai isu-isu yang berkaitan dengan perjalanan hal-hal parti. Pada tahun-tahun kebelakangan ini terdapat beberapa kes sedemikian yang dikemukakan ke mahkamah atas alasan bertujuan untuk mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh sesebuah parti itu. Akibat keterlaluan mengambil kesempatan dalam menggunakan kebebasan membawa kes-kas ke mahkamah bagi apa sahaja isu-isu yang melibatkan hal-hal dalaman parti, diperhatikan ianya telah sedikit-sebanyak mengganggu dan menggendalakan kelicinan perjalanan parti berkenaan, kadangkala menimbulkan keadaan tegang dan krisis dalam parti berkenaan. Ini bukan sahaja satu gejala yang kurang sihat, tetapi juga boleh menimbulkan gambaran negatif dari pandangan awam seolah-olah mahkamahlah yang memainkan peranan dalam hal-hal politik. Akibatnya perlembagaan parti dan undang-undang kecilnya seolah-olah disia-siakan dan jentera penyelesaian masalah dalam parti menjadi tidak berguna.

Salah satu dari kesan yang berlawanan dengan prinsip suara ramai dalam amalan demokrasi ialah seseorang ahli boleh menidakkan hak dan kehendak majoriti ahli. Keadaan ini sepatutnya dapat

dielakkan sekiranya anggota-anggota parti yang mungkin merasa tidak puas hati bertindak lebih bertanggungjawab dan mengutamakan kepentingan parti lebih daripada kepentingan peribadi masing-masing. Implikasinya dari tindakan-tindakan sedemikian boleh membawa kepada kerosakan perjalanan parti yang amat sukar diatasi atau dipulihkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mana-mana organisasi, kumpulan atau pertubuhan wujudnya perselisihan faham dan pendirian di kalangan ahli-ahli adalah satu perkara lumrah yang tidak dapat dielakkan. Hal ini lebih ketara lagi dan biasa berlaku di kalangan ahli-ahli parti politik bukan sahaja di negara ini tetapi juga di mana-mana negara yang mengamalkan sistem berparti mengikut lunas-lunas demokrasi sepertimana negara kita. Sungguhpun Perlembagaan Negara kita menjamin hak-hak kebebasan individu, namun adalah difikirkan amat tidak wajar dan tidak sesuai sekiranya isu-isu dalaman mengenai masalah parti ditentukan oleh mahkamah. Ini adalah kerana mahkamah mempunyai tugas untuk membuat keputusan semata-mata mengikut tafsiran undang-undang sahaja dengan tidak mengambil kira keadaan dan keperluan politik dalam sesebuah parti politik itu ataupun keadaan dan keperluan politik negara. Dengan kerana itu, memandangkan kesediaan ahli-ahli parti politik untuk memberi pengorbanan demi mencapai cita-cita dan perjuangan parti, maka Kerajaan berpendapat adalah lebih sesuai dan munasabah jika segala masalah dalaman parti politik, termasuklah apa-apa perbezaan atau perselisihan pendirian di kalangan ahli-ahli parti politik, diselesaikan melalui usaha-usaha parti itu sendiri tanpa perlu membawa kes-kes ke mahkamah tiap-tiap kali timbul masalah dalam parti.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang digubal untuk kebaikan dan kita mematuhi undang-undang kerana kita menerima prinsip pemerintahan undang-undang atau, dengan izin, the Rule of Law. Malangnya setiap kali kita menggubal undang-undang ada sahaja pihak mencari peluang atau, dengan izin, loop-hole dan mengambil kesempatan untuk membuat perkara-perkara yang bertentangan dengan maksud dan tujuan undang-undang sehingga maksud undang-undang berkenaan tidak tercapai dan sebaliknya ia membawa ketidakadilan kepada pihak yang ia sepatutnya melindungi.. Oleh kerana kita tidak boleh membelakangkan undang-undang, maka undang-undang yang menyebabkan ketidakadilan mestilah dihapus atau dipinda. Keadaan Undang-undang Pertubuhan yang ada sekarang ini sudah menjadi undang-undang yang tidak adil kepada parti politik dan majoriti ahli-ahlinya kerana ianya boleh disalahgunakan oleh segelintir ahli-ahli untuk kepentingan mereka.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Pertubuhan 1966 itu adalah bagi menentukan supaya segala isu-isu yang merupakan masalah hal ehwal politik sewajarnya diselesaikan secara muktamat oleh parti-parti politik berkenaan dan tidak perlu dibawa ke mahkamah untuk keputusan. Ini bermakna parti-parti politik berkenaan sendirilah yang akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap arah dan haluan parti dalam apa-apa jua isu atau masalah politik yang dihadapi dari masa ke semasa.

Selaras dengan kedudukan ini, pindaan-pindaan tersebut bertujuan untuk menghalang apa-apa proceeding di bawa ke mahkamah mengenai apa-apa keputusan parti berkaitan dengan pentafsiran perlembagaan, kaedah atau peraturan-peraturan parti atau mengenai perkara-perkara yang menyentuh urusan dan hal ehwal parti serta mengeluarkan perkara-perkara tersebut daripada bidangkuasa mahkamah. Di samping itu, pindaan yang dicadangkan juga menjelaskan keadaan di mana sesuatu pemilihan parti tidak menjadi tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila menyokong.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang dt-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap persilakan. Sila Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak.

3.52 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 ini.

Adalah benar bahawa jika sesebuah parti politik itu hendak menjalankan urusan pentadbirannya, maka sepatutlah segalanya itu ianya bebas menjalankan segala usaha-usaha dan dakyah-dakyahnya di kalangan ahli-ahlinya dan kita berharap bahawa sungguhpun ada parti-parti Pembangkang di negara ini membangkang Akta ini supaya tidak mencari loopholes seperti apa yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi kerana ianya adalah untuk kepentingan semua parti politik di dalam negara ini. Sebagai sebuah parti politik, apa parti pun kita yakin bahawa mereka itu tahu dan faham cara-cara hendak memerintah negara dan memerintah parti mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kerajaan sungguhpun ada undang-undang Akta Pertubuhan ini, kenapa dan mengapakah ada parti politik yang baru ditubuhkan, yang menggunakan undang-undang yang sama dengan parti politik yang sudah lama ditubuhkan, yang terlebih dahulu ditubuhkan. Semua cara-cara pemerintahan parti itu disamakan dengan parti yang sudah ditubuhkan lebih awal lagi. Kenapakah ini berlaku?

Saya difahamkan jika pertubuhan-pertubuhan belia hendak ditubuhkan, maka draf undang-undangnya itu hendaklah berlain dengan undang-undang pertubuhan-pertubuhan belia yang lain. Demikianlah harapan saya di dalam segi parti-parti politik ini, oleh kerana kita tidak mahu keraguan di antara ahli-ahli di dalam sesebuah parti itu. Jika tujuannya sama, cara pemerintahan di peringkat cawangannya sama, di peringkat bahagiannya sama, di peringkat pentadbiran

negerinya sama dan juga di peringkat pusat majlis tertingginya sama, kenapakah undang-undang parti yang baru seumpama ini boleh diluluskan oleh Kerajaan? Saya berharap bahawa jika ini berlaku, penubuhan permohonan pendaftaran parti seumpama ini tidak boleh dibenarkan, melainkan jika ia membuat perubahan-perubahan yang nyata di dalam perlembagaan mereka. Kita tahu kadangkala masalah-masalah kecil di dalam parti di bawa ke mahkamah dan ini sungguh merunsingkan kita dan membuang masa mahkamah.

Kita berharap dengan adanya pindaan Akta ini, perkara-perkara seumpama ini tidak akan berlaku di masa-masa akan datang dan kita berharap semua parti-parti politik dapat bergerak seperti apa dikehendaki oleh perlembagaannya dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor.
3.55 ptg.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua, ahlamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang mana telahpun mengurniakan taufik dan hidayah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai seorang yang bertanggungjawab kepada negara Malaysia, yang memegang Menteri Dalam Negeri dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang mana telahpun membuka pintu hati mengadakan dan meminda Undang-undang Pertubuhan ini khasnya kepada parti-parti politik yang berada di dalam negara kita yang dikasihi ini. Kenapakah saya bersyukur? Kerana saya adalah salah seorang daripada orang Melayu yang beragama Islam, yang duduk sudahpun 30 tahun lebih di bawah satu parti yang dinamakan Parti UMNO.

Kononnya, pada tahun lepas, baru-baru ini Parti UMNO telahpun menerima satu nasib yang buruk, sehinggakan diharam oleh mahkamah, sebuah parti yang terulung sekali, sebuah parti yang berjasa, yang tidak ada siapapun yang boleh menafikan, yang dapat mengembalikan negara daripada tangan penjajah kepada dapat pemerintahan sendiri. Tetapi malangnya, UMNO telahpun menerima nasib yang sama-sama kita rasai. Bukanlah kepada UMNO, kepada orang Melayu sahaja, bahkan barangkali dan saya yakin kawan-kawan kita daripada Parti-parti Komponen pun sama-sama berdukacita ke atas nasib yang telahpun terkena kepada UMNO sebagai parti dan khasnya kepada orang-orang Melayu yang menjadi tuan kepada parti itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, amat wajarlah kepada pemimpin yang bertanggungjawab kepada negara memikir dan mencari jalan semoga insya Allah parti yang didukung itu tidak akan menerima nasib sepertimana yang telahpun diterima. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai kita orang Islam, tiap-tiap satu percubaan walaupun pada rupanya adalah balak, ertinya satu percubaan, tetapi kepada kita orang Islam, itu adalah nikmat, satu nikmat yang maha besar yang dikurniakan oleh Allah swt. kepada kami orang-orang Islam berbangsa Melayu.

Kenapa demikian, Tuan Yang di-Pertua?

Kalau tidak dikurniakan nikmat-nikmat oleh Allah s.w.t. UMNO ini diharamkan, barangkali gejala-gejala ataupun musang yang berbulu ayam itu mungkin masih ada di dalam UMNO lagi.

Tetapi apabila satu nikmat dikurniakan oleh Allah S.W.T. demikian, barangkali musang yang berbulu ayam itu tidak ada lagi di dalam UMNO. Insya Allah, UMNO akan dapat menjadi satu parti teras kepada parti-parti yang lain. Sebagaimana yang kita maklum, UMNO adalah sebagai tulang belakang kepada parti-parti komponen Barisan Nasional,

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya sangat-sangtlah berharap kepada semua parti yang telah diluluskan pendaftarnya oleh Pendaftar Pertubuhan di dalam negara ini hendaklah bertanggungjawab bersama-sama kepada negara Malaysia ini dan juga kepada rakyat jelata.

Janganlah kita mengadakan sesebuah pertubuhan atau sebuah parti demi kepentingan diri atau demi kepentingan bangsanya sahaja yang segelintir yang berada di dalam Malaysia **ini**. Sebab sebagaimana yang kita tahu Malaysia ini adalah rakyat jelatanya adalah masyarakat majmuk, yang tidak boleh dinafikan, yang sudahpun ada kerakyatan yang sama, yang berhak memilih dan menentukan Kerajaan mana yang mereka suka.

Oleh yang demikian, amat wajarlah kepada pemimpin-pemimpin parti yang berdaftar bertanggungjawab kepada negera ini dan juga rakyat jelata sekalian. Tuan Yang di-Pertua, janganlah

tiap-tiap parti sama ada parti UMNO, komponen parti Barisan Nasional atau parti-parti Pembangkang membuat sesuatu perkara yang menyebabkan huru hara kepada negara ini demi untuk kepentingan diri ataupun demi untuk membalas dendam kepada orang-orang yang tidak kita setujui.

Perkara ini kalaulah berlaku, amatlah sedih dan amatlah mengecewakan sekali kepada rakyat jelata. Sebagaimana yang telahpun kita lihat di negara-negara lain, yang mana parti-parti politik yang tidak bertanggungjawab, di antara sama lain adalah dalam keadaan huru hara dan menyebabkan rakyat jelata menjadi merana dan membawa kepada kehilangan jiwa.

Tuan Yang di-Pertua, lebih-labih lagi tahun 1990an ini adalah satu tahun yang kita anggap dan satu tahun yang pemimpin kita telahpun membuat satu target peralihan, satu target tahun peralihan di dalam serba serbi, semoga negara Malaysia kita juga rakyat jelata akan meningkat ke satu tangga yang lebih tinggi daripada kedudukan yang berada di dalam tahun 1980an,

Itulah hasrat kita, Insya Allah. Oleh yang demikian, amatlah mustahak sekali kepada semua lapisan masyarakat sama ada daripada pihak setinggi-tinggi pegawai sehingga kepada serendah-rendah rakyat hendaklah bertanggungjawab demi untuk menyelamatkan, menyempurna dan dapat nilai yang tertinggi yang disanjung dan diredhai oleh seluruh masyarakat di negara ini. Lebih-lebih lagi parti-parti politik, kalau boleh, kita berharap kepada semua pemimpin parti politik memberi satu arahan kepada ahli-ahlinya semoga ahli-ahli parti politik semua dengan keadaan berada di dalam tata susila, sebagai peri satu bangsa yang kita harap semua bangsa di dunia

ini menyanjunginya.

Sebab itulah matlamat kita, Tuan Yang di-Pertua, dan kalau kita kaji kepada amanah yang ditinggalkan oleh Baginda Nabi Muhammad Rasulullah s.a.w. di mana Baginda bersabda yang maksudnya: Dihantarkan atau diutuskan akan daku ke alam dunia ini supaya aku dapat menyempurnakan segala perangai dan tingkah laku manusia. Ertinya, supaya semua manusia ini bersifat dengan sifat yang sempurna, yang tidak ada perasaan singgung-menyinggung diantara satu sama lain. Seinggakah Baginda Rasulullah s.a.w. membuat satu garisan dari garisan yang lain yang bermaksud: Sebenarnya orang-orang yang selamat dan sejahtera itu ialah orang yang menyelamatkan saudara-saudaranya daripada bencana tangan dan lidahnya. Ertinya, orang lain daripada diri dia itu tidak tarsinggung perasaan daripada perkataan yang keluar daripada mulutnya dan daripada perbuatan dan gerak-geri yang mereka kerja itu orang lain tidak berasa tersinggung.

Itulah garisan insan, garisan manusia yang dapat mengekalkan insaniah, kemanusiaannya yang hidup di alam dunia ini.

Kalaulah dengan keadaan begini semua manusia bersikap, semua manusia bersikap demikian, insya Allah, Tuan Yang di-Pertua, tidak Malaysia kita sahaja dalam keadaan aman sentosa bahkan seluruh dunia dalam keadaan aman sentosa. Senang dapat kita hidup dengan senang, dapat kita kerja, dapat kita mengabdikan diri kita. Dapat kita membuat apa yang patut kita buat.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya dan pandangan umum, Malaysia kita adalah sebuah negara sedang membangun. Bukan negara sudah maju. Negara kita, negara sedang membangun. Siapakah orang yang hendak membangunkan Malaysia ini kalau tidak kita. Ini satu soalan yang mesti wajib kita kena tanam dalam diri individu, rakyat Malaysia tidak kira apa bangsa. Siapakah yang akan membangunkan Malaysia tempat tumpah darah saya **ini**. Adakah orang Jepun yang akan membangunkan? Adakah orang Inggeris yang duduk di England yang akan membangunkan? Adakah orang Arab Saudi akan mari membangunkan? Adakah orang Afrika akan membangunkan? Tidak, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini ada negaranya. Ada tempatnya. Orang yang bekerja adalah kita, ertinya rakyat Malaysia yang berbilang bangsa. Oleh hal yang demikian, kalau benar-benar kita mengaku dan sudah pun tarsemat dalam sanubari hati kecil kita bahawasanya inilah tempat tumpah darah saya, saya berasa tidak lagi akan berbangkit apa-apa masalah. Tidak lagi berbangkit apa-apa masalah kerana semua masalah dapat diselesaikan dengan cara bermesyuarah, secara bermuafakat. Secara berkira bicara sebab kita insan yang ada akal. Kenapa kita suka

bertukar? Kenapa kita suka berkelahi, kenapa kita suka mengeji satu sama lain. Kenapa kita tidak berunding? Kenapa kita tidak tunjuk kejujuran kita, kebolehan kita.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah tiap-tiap rakyat yang berada dalam negara ini khasnya kepada pemimpin-pemimpin parti politik tidak bertanggungjawab kepada negara, kita bimbang pilihanraya yang akan datang ini kita bimbang, takut menjadi huru-hara. Kita bimbang, yang mana huru-hara ini kita berselindung dan berdoalah ke hadrat Allah s.w.t. semoga Allah tidak akan mencetuskan huru-hara. Tetapi kita bimbang kalaulah mana-mana ketua-ketua atau presiden-presiden parti politik tidak bertanggungjawab kepada negara, tidak bertanggungjawab kepada rakyat jelata, bahkan bertanggungjawab kepada diri sendiri, kita bimbang negara kita hancur. Olah hal yang demikian, sangat-sangatlah kita berharap, terutama kepada parti komponen Barisan Nasional, marilah sama-sama kita bertanggungjawab kepada Malaysia. Mari sama-sama kita bertanggungjawab kepada negara, kepada bangsa kita, bangsa Malaysia. Tidak ada lagi negara selain daripada Malaysia kepada kita semua, yang sudah ada Kad Pengenalan Biru yang berhak kita memilih dan berhak kita memangkah undi siapa yang kita kehendaki .

Kalau kita dalam Barisan Nasional suka mencari jalan, mencetus atau mencungkil kemarahan dalam hati saudara-saudaranya, apalah akan jadi kepada kita sekalian. Sekali lagi saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, terutama kepada saudara-saudara kita daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya berharap; tiap-tiap kali saya bercakap, saya merayu kalau kita hendak keluar perkataan di dalam Dewan, kita mesti timbang perkara itu, kalaulah perasaan, kalau

percakapan kita atau orang kata kepada kita, kita berasa panas hendak marah, kita jangan keluar perkataan itu. Tersinggung manusia, perasaan, nafsu amarah tetap ada kepada tiap-tiap insan, manusia ada. Patutlah kita bercermat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, amat wajarlah kepada Kerajaan mengubah dan meminda Rang Undang-undang ini khasnya kepada parti politik semoga apa perkara yang tidak menyenangkan di antara satu sama lain di dalam parti politik tidak dapat dibawa ke mahkamah sebab ini adalah tanggungjawab kita bersama, tidak ada satu benda yang tidak boleh dirunding. Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud "bermesyuaratlah kamu apa-apa perkara" Tiap-tiap perkara ~~mes~~ kamu bermesyuarat di antara satu sama lain. Keputusan itulah yang kamu buat dan firman Allah yang maksudnya: "Apabila sudah kau putuskan, maka berserahlah perkara itu kepada Allah s.w.t."

Dengan perkataan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagilah saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Puan Hajjah Habidah inti Jusoh.

.18 ptg.

Puan Hajjah Habidah binti Yusof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama menyokong rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta pertubuhan 1966 yang mana Akta ini bolehlah dinamakan Akta pertubuhan (Pindaan) 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyokong dengan secara ringkas sahaja Rang Undang-undang ini oleh kerana masih ramai rakan-rakan kita yang belum berpeluang untuk berucap di Dewan yang

mulia ini dan juga masih banyak Bil-Bil yang perlu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dalam masa 3 hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya mangambil kesempatan ini ialah untuk merafak sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan Terengganu Darul ~~Imam~~ dan juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr . Mahathir, Perdana Mentari Malaysia dan juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad dan Dewan Undangan Negeri Terengganu dan juga Pergerakan Wanita Negeri Tarengganu yang telah memilih saya sekali lagi untuk menyambung jawatan Senator bagi penggal kedua berserta dengan rakan-rakan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Alhamdulillah saya berasa amat bersyukur kerana dengan ini saya dapat lagi memberikan sumbangan khidmat bakti saya di dalam Dewan yang mulia ini, semoga ianya mendatangkan faedah kepada samua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sejak akhir-akhir ini, adanya golongan-golongan yang ghairah dan tamak serta gilakan kuasa untuk mamegang taraju pemerintahan negara maka sudah sewajarnya Rang Undang-undang Pertubuhan ini dipinda supaya mereka yang ingin mengambil kesempatan untuk kepentingan peribadi tidak akan berpeluang untuk mengambil kepentingan ini bagi diri mereka. Dan juga kepada golongan-golongan atau parti-parti yang suka memecah-belahkan rakyat jelata diharap tindakan sewajarnya perlu diambil bagi membendung perkara-perkara tarsebut daripada berleluasa kerana kalau kita biarkan perkara ini maka sudah tentulah kita akan mendapat kerugian di tanahair kita sendiri yang mana sudah tentulah tidak ada tempat lagi untuk kita berlindung.

Sedangkan kita tahu perpaduan amatlah perlu bagi kita semua sebagaimana Allah berfirman di dalam Al-Quranulkarim yang bermaksud, "Hendaklah kamu berpegang teguh dengan ajaran Allah dan janganlah kamu berpecah-belah dan hendaklah kamu semua mengingati nikmat-nikmat Allah ke atas kamu yang telah Allah berikan di mana di waktu itu kamu sedang berseteru di antara satu-sama lain, maka Allah telah melembutkan hati-hati kamu, maka jadilah kamu dengan nikmat Allah itu sebagai saudara". Dengan berpandukan ayat tersebutlah, maka saya berharap kepada mana-mana, pihak yang berada di dalam negara ini supaya jangan mencari jalan untuk perpecahan dan perseteruan sesama kita semua.

Oleh itu saya mencadangkan supaya, dengan terpindanya juga Rang Undang-undang ini, diperuntukkan satu peruntukan khas untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang membuat tuduhan-tuduhan palsu dan dakyah-dakyah serta fitnah-fitnah kepada para pemimpin kita sama ada di peringkat atasan ataupun di peringkat bawahan yang mana niat mereka yang melakukan ini adalah semata-mata kerana hendak menggulingkan kepimpinan yang ada.

Oleh kerana saya berjanji tadi saya hanya untuk bercakap dengan secara ringkasnya sahaja, maka dengan ini sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 ini diluluskan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Chan Choong Tak.

4.23ptg.

Dato Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang

yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya saya membantah segala tindakan yang cuba hendak menghapuskan bidangkuasa judiciary atau kehakiman. Kita tahu bahawa negara kita adalah di bawah Kerajaan yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu Parlimen yang terdiri daripada dua bidang - satunya ialah Dewan Rakyat dan satu lagi ialah Senate - yang menggubal undang-undang; yang kedua, the Executive, dengan izin, yang melalui Kabinetnya menjalankan atau melaksanakan undang-undang yang telah digubal oleh Parlimen; dan yang ketiga, ialah bidang Kehakiman (Judiciary) yang fungsinya ialah untuk, menginterpretasikan undang-undang sama ada undang-undang itu adalah mengikut Perlembagaan Negara atau sama ada sesuatu undang-undang yang telah dibuat itu telah dipecahkan. Maka yang baik sekali ialah kalau ketiga-tiga bidang ini adalah bebas dan tiap-tiap satu mempunyai fungsinya sendiri.

Tetapi pada masa ini di kebanyakan negara termasuk negara kita ini, ketiga-tiga bidang ini tidak berapa bebas kerana undang-undang yang selalunya diluluskan oleh Parlimen sebenarnya dibuat oleh Kabinet iaitu Executive dan juga ada banyak undang-undang di mana Menteri-menteri iaitu wakil Kabinet itu yang menjadi orang yang menginterpretasikan undang-undang itu. Maka nampaknya ketiga-tiga bidang tersebut boleh dibuat oleh satu bidang sahaja iaitu Kabinet. Maka ini dibuat bukan sahaja oleh Malaysia tetapi di England juga ada, dari mana sistem kita dipinjam.

Yang baik sekali, kalau Kehakiman itu mempunyai keyakinan penuh dari segala golongan rakyat, saya fikir tindakan yang tegas yang patut kita semua buat ialah untuk bekerjasama bagi mendapatkan balik

keyakinan. Pada masa sekarang barangkali ada di antaranya satu atau dua golongan yang tidak mempunyai keyakinan yang penuh - itu pada amnya. Tetapi kalau orang-orang yang terlibat itu hendaklah kuasa itu digunakan bukan oleh mahkamah, maka saya fikir lebih baik kalau kuasa itu diberi kepada orang-orang yang berkehendakkannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini dalam seksyen 18(c), apa yang hendak dibuat ialah seperti apa yang dikehendaki oleh banyak ahli-ahli pertubuhan parti. Ahli-ahli pertubuhan parti, sebelum mereka memasuki satu-satu parti, mereka mestilah menerima perlembagaan parti itu dan perlembagaan parti itu boleh dijadikan sebagai satu kontrak. Pada pengetahuan saya, kebanyakan parti-parti politik yang mempunyai perlembagaan di mana ada disebutkan satu provision bahawa segala keputusan yang dibuat oleh parti itu muktamad atau final. Sungguhpun begitu, oleh sebab tidak ada undang-undang yang menahan ahli-ahli itu pergi ke mahkamah, maka sehingga masa ini sungguhpun menurut perlembagaannya keputusan itu final, tetapi mereka masih pergi ke mahkamah,

Saya berkata begitu kerana pengalaman saya sebagai Setiausaha Agung dalam Parti GERAKAN. Dalam perlembagaan kita pun ada clause yang mengatakan segala keputusan yang dibuat oleh parti melalui Jawatankuasa Pusat atau melalui Jawatankuasa Kerja itu ialah final dan dalam perlembagaan Parti DAP juga - salinan yang saya ada di sini barangkali salinan yang lama - tetapi saya fikir Clause ini masih ada, iaitu dalam Clause 11 (9) ada tersebut:-

" **(Dengan izin)** In case of any dispute as to the interpretation, construction, rendering and meaning of all or any of the rules of this Constitution or of any word or words contained in any such rule, the interpretation, construction, rendering and meaning determined and fixed by the Central Executive Committee shall be final and conclusive."

Maka apa yang hendak dibuat oleh Rang Undang-undang ini ialah memenuhi kehendak parti-parti ini. Maka oleh sebab itu di sini saya juga menyokong Rang Undang-undang ini barangkali, dengan izin, dengan reluctance. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.

4.30 ptg.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang. Akta Pertubuhan (Pindaan) 1989 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini.

Seperti kita sedia maklum, Rang Undang-undang ini dibuat dengan tujuan memperkemaskan lagi Akta Pertubuhan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya mohon maaf kerana saya hendak membuat satu pengumuman sebentar.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peraturan Mesyuarat 6(3), dengan sukacitanya saya menjemput Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoon untuk mempengerusikan mesyuarat. Dipersilakan Yang Berhormat Dato'.

[Dato' Tan Peng Khoon **mempengerusikan Mesyuarat**)

Dato' Tan Peng Khoon: Yang Berhormat, sila sambung semula.

Tuan G. Rajoo: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terutama sekali yang berkaitan dengan parti-parti politik yang berfungsi di negara ini. Akta ini dibuat tepat pada masanya dan akan menamatkan krisis-krisis sebuah parti politik dibawa ke mahkamah untuk diputuskan dengan tujuan mengecilkan lagi jentera parti dan Kerajaan.

Kita semua maklum negara kita adalah sebuah negara demokrasi yang berpangkalan parti-parti politik. Selama ini negara kita kukuh dengan prosas demokrasi yang wujud lebih kurang 30 tahun dahulu. Parti-parti politik telah memerintah negara kita tanpa sebarang masalah perundangan dalam menjalankan jentera Kerajaan melalui

proses demokrasi yang kukuh dan stabil. Akan tetapi, kebelakangan ini, ada pihak yang ingin mengambil kesempatan dan mengheretkan parti-parti politik yang memerintah ke mahkamah lalu melemah dan menjatuhkan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat majoriti melalui proses perundangan. Kerajaan terpaksa menumpukan tenaga dan masa melawan kes-kes ini di mahkamah, lalu tidak dapat menumpukan perhatian mentadbirkan negara.

Kita telah melihat suatu keadaan seperti ini beberapa tahun kebelakangan dahulu di negara kita. Keadaan ini telah merisaukan pelabur-pelabur asing dan harga-harga pasaran saham pun jatuh ke paras yang sangat membimbangkan. Rakyat telah kehilangan keyakinan terhadap Kerajaan kita akibat tindakan segelintir orang yang ingin membawa parti politik ke mahkamah, lalu menjatuhkan pimpinan dan Kerajaan. Perkara begini bukan sahaja berlaku kepada parti yang memerintah sahaja, tetapi hampir semua parti politik di negara ini pun menghadapi masalah seperti ini. Oleh yang demikian, Rang Undang-undang ini yang bertujuan melarang apa-apa prosiding mahkamah berkenaan dengan keputusan sesuatu parti politik tentang panapisan Perlembagaan dan peraturannya, adalah suatu Undang-undang yang bijak dan saksama. Sebarang keputusan sesuatu parti politik tentang kaedah, peraturan dan hal ehwal parti itu hendaklah muktamad dan 'conclusive'.

Saya yakin dan percaya dengan adanya Undang-undang seperti ini, parti-parti politik yang mendapat sokongan rakyat semasa sesuatu pilihanraya dapat memerintah negara dengan penuh keyakinan tanpa gangguan daripada ahli-ahlinya yang kecewa dan gagal merebut jawatan dalam parti.

Tuan Yang di-Pertua, jentera Kerajaan di negara ini adalah

berasaskan kepada parti politik yang berjaya mendapat sokongan rakyat semasa pilihanraya umum. Oleh yang demikian, parti yang berjaya hendaklah diberi peluang mentadbirkan negara tanpa sebarang gangguan dan kekecewaan dari Ahli-ahli partinya sendiri yang kurang senang hati dengan pemimpin-pemimpinnya.

Pada masa ini, beberapa Ahli sesuatu parti politik setelah gagal merebut jawatan yang tinggi terus menuju ke mahkamah, menuntut keadilan kononnya prosedur dan peraturan-peraturan yang remeh-temeh tidak dipatuhi. Jika keadaan ini dibiarkan meneruskan, saya khawatir mahkamah-mahkamah kita yang sudahpun sibuk akan menjadi lebih sibuk lagi dan mahkamah tidak akan ada masa yang cukup untuk membereskan kes-kes yang lebih serius dan penting. Oleh yang demikian, pindaan Akta Pertubuhan ini adalah sangat wajar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang pemilihan Yang di-Pertua Dewan Negara, walaupun ianya tidak berkait terus dengan pindaan Akta Pertubuhan ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini mencadangkan kepada Kerajaan supaya menimbangkan kemungkinan pemilihan Yang di-Pertua Dewan Negara dari ahli yang bukan Ahli Senate - seperti pemilihan Speaker Dewan Rakyat yang bukan Ahli dari Parlimen. Saya yakin dan percaya pemilihan seorang Yang di-Pertua Dewan Negara dari kalangan bukan Ahli Senate akan memberi erti dan makna yang besar kepada Dewan Negara. Jika perlu, Perlembagaan hendaklah dipinda untuk menepati cadangan ini. Pada masa ini, seorang Yang di-Pertua Dewan Negara hanya dapat menerajui Dewan hanya bagi satu tempoh maksima selama enam tahun sahaja. Selepas itu, beliau tidak lagi menjadi Ahli Dewan dan kita akan kehilangan pengalaman dan kepakaran seseorang Yang di-Pertua.

Oleh yang demikian, saya yakin Kerajaan akan mengambil langkah yang positif untuk meminda Perlembagaan untuk menepati cadangan ini. Pada masa ini kita mempunyai seorang Yang di-Pertua Dewan Negara yang sangat adil, bijak, saksama dan bertanggungjawab.

[Tepuk] Selama tempoh beliau menjadi Yang di-Pertua Dewan, beliau telah melaksanakan tugas-tugas beliau dengan teratur dan kemas. Beliau telah berusaha meningkatkan lagi prestasi para Senator melalui Kelab Senator dengan menganjurkan beberapa lawatan sambil belajar ke negara-negara ASEAN dan serantau ini. Beliau telah berusaha mempererat lagi kemesraan dan keharmonian di antara para Senator dan mewujudkan perasaan muhibah di antara 'policy makers', dengan izin, Parlimen serantau ini.

Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara sekarang adalah seorang yang paling layak memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara **[Tepuk]** Jika pindaan Perlembagaan dibuat untuk menepati cadangan-cadangan bahawa Yang di-Pertua Dewan Negara tidak seharusnya dari kalangan Ahli Dewan Negara, maka beliau bolehlah terus menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Dengan harapan ini, saya sekali lagi menyokong penuh Rang Undang-undang Akta Pertubuhan (Pindaan) 1989. Sekian, terima kasih.

Dato' Tan Peng Khoo: Sila Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin.

4.40 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga tidak mahu ketinggalan bersama dengan sahabat-sahabat saya yang lain bangun untuk bercakap bagi menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966. Dengan rasa syukur dan dengah ucapan tahniah serta terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri yang ada kaitannya dengan Kementerian Kehakiman yang telah terbuka fikiran mereka, cendekiawan-cendekiawanyang bertanggungjawab di kementerian-kementerian berkenaan hendak meminda Akta ini setelah beberapa peristiwa-peristiwa yang menyedihkan yang hampir-hampir melumpuhkan kestabilan politik, ekonomi, sosial di negara ini dibuat pada petang ini.

Dalam pembentangan yang telah dibuat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi, kita sangat puas hati dengan segala penjelasan-penjelasan dan keterangan-keterangan beliau yang menerangkan dengan jelasnya mengapa perlunya Rang Undang-undang ini dipinda dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya peristiwa yang paling hitam yang telah berlaku di negara kita akibat beberapa kelonggaran yang mungkin disedari atau sengaja tidak pernah diteliti di dalam Rang Undang-undang ataupun Akta Pertubuhan kita yang tidak kita pinda sejak daripada tahun 1966. Mungkin barangkali kita memikirkan bahawa semua warganegara Malaysia adalah mereka yang berfikiran matang, mantap dan yang mempunyai perasaan serta menghayati semangat kepartian atau pertubuhan yang tinggi tetapi malangnya kita telah menemui satu kejadian yang telah memberikan satu kesan dan pengalaman yang pahit di kalangan kita di negara kita ini terutama yang cintakan kepada perdamaian, perpaduan dan perkara-perkara yang

berkaitan dengan permesyuarahan ataupun perkara-perkara yang hendak sesuatu kejadian yang berlaku yang kita sedia hendak rundingkan melalui mesyuarah atau meja bulat atau perundingan sebagai biasa lazimnya diamalkan oleh mereka tinggi hemahnya yang punya principle dan yang kasih kepada negara dan segala-gala citarasa negaranya.

Peristiwa April 1987 mungkin membuka mata kita semua, terutamanya Kementerian Kehakiman mengenai kelemahan dan kelonggaran undang-undang atau Akta Pertubuhan kita di mana hanya satu perkara titik bengik, yang mungkin disengajakan atau dirancangkan pada awalnya kerana mereka tahu dan faham tentang kelemahan-kelemahan Akta Pertubuhan kita di mana kes UMNO tidak sah Perhimpunan Agungnya dibawa ke mahkamah. Tidak payah saya mengulas lebih panjang lebar mengenai perkara ini kerana semua rakyat dari kalangan anak-anak yang berumur 7 tahun hinggalah mereka yang berumur 80 tahun atau 100 tahun amat mengetahui kejadian dan sejarah pahit ini. Pahit bagi mereka yang kasihkan negara dan cintakan kedamaian dan yang ada penghayatannya sebagai warganegara Malaysia yang kasih kepada kedamaian negaranya tetapi rupanya ia tidak merangkumi keseluruhan rakyat di Malaysia ini. Ada segelintir rakyat yang paling kita sedih mereka ini menggelar dirinya pemimpin-pemimpin handalan yang telah berjuang, mempunyai pengalaman dan pernah diisytiharkan sebagai pemimpin yang berwibawa, berhemah dan dengan beberapa kunci-kuncunya telah menggunakan kelonggaran Undang-undang ini lalu UMNO diharamkan.

Tuan Yang di-Pertua, selepas itu banyaklah perkara-perkara yang telah berlaku yang menyebabkan terjejasnya imej negara, kestabilan, kedamaian, keharmonian rakyat, perekonomian dan menimbulkan rasa permusuhan di antara rakyat dengan rakyat, terutamanya di dalam

ahli-ahli ataupun mereka yang ada di dalam parti yang terbesar di negara kita ini, hingga kini bahangnya masih belum reda.

Tuan Yang di-Pertua, dengan berjalannya Akta ini nantinya kita rasa banyaklah perkara akan dapat dibendung, banyaklah perkembangan, tidak sihat yang boleh diatasi kerana mereka ini nampaknya tidak mahu mengatasi masalah-masalah ini dengan secara permesyuarahan atau menggunakan budi bicara tetapi suka mengambil kesempatan daripada kelonggaran Undang-undang ini dan cuba memuaskan perasaan dan mencapai cita-cita dan niat kumpulan mereka melalui mahkamah. Bila Akta ini ada, mereka yang berniat demikian akan terkandaslah cita-cita buruknya kerana kalau sudah kita tidak boleh berlembut, Tuan Yang di-Pertua, maka kita terpaksa menggunakan kekerasan melalui perundangan. Negara kita sebagai negara yang mengamalkan demokrasi, hak-hak majoriti suara ramai perlulah dihormati dan Akta ini menjamin, Tuan Yang di-Pertua, akan hak-hak demokrasi majoriti ini. Syabas, tahniah dan terima kasih..

Saya ingin menyentuh sedikit di dalam Akta ini iaitu mengenai perkara seksyen baru 18B. Inilah perkara yang paling penting sekali yang kita harap akan meninggalkan kesan yang baik dan akan mencegah tidak berlakunya lagi peristiwa-peristiwa hitam menggunakan undang-undang untuk menjahanamkan kestabilan negara ini. Seksyen baru 18B memperuntukkan bahawa apa-apa pemilihan dalam sesuatu parti politik tidaklah tidak sah oleh sebab apa-apa peruntukan dalam perlembagaan, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan parti itu tidak dipatuhi, atau oleh sebab seseorang yang hilang kelayakan telah mengambil bahagian dalam pemilihan itu jika keputusan pemilihan itu tetap sama sekiranya peruntukan tersebut telah dipatuhi atau sekiranya orang itu tidak mengambil bahagian dalam pemilihan itu.

Bagaimanapun, jika orang yang hilang kelayakan itu dipilih memegang sesuatu jawatan dalam parti itu, kehilangan kelayakan itu hendaklah diberikan efek dan suatu pemilihan baru berkenaan dengan jawatan itu hendaklah dijalankan dengan seberapa segera yang praktis. Inilah yang wajar dijalankan, bukan niat hasad-dengki dan ingin mencapai cita-cita yang terkandas kerana tidak dapat sokongan majoriti lalu menggunakan Akta, lalu menggunakan mahkamah, lalu menggunakan loyar-loyar untuk mencapai hasrat yang tidak sihat, Tuan Yang di-Pertua. Dan Seksyen baru 18C memperuntukkan bahawa apa-apa keputusan parti politik tentang pentafsiran perlembagaan, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturannya atau berhubungan dengan hal-ehwal parti itu adalah muktamad dan konklusif. Cantik ayat ini, tepat dan maknanya juga akan dapat menghalang perkara-perkara yang seperti saya sebutkan tadi.

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun Akta ini sudah agak terlewat dipinda tetapi masih belum terlambat untuk dilaksanakan dan kita faham mereka yang tidak puas hati, mereka yang ingin mencapai hasratnya melalui seperti pepatah Inggeris, dengan izin, by hook or by crook, saya percaya mungkin ada lagi Akta ini yang ada fasal-fasal lainnya, yang seksyen-seksyen lainnya yang mereka akan gunakan pula di akan datang ini. Kita harap penelitian telah dibuat sehalus-halusnya supaya tidak ada lagi celah-celah acau liku-liku yang boleh mereka gunakan dengan tujuan kepentingan peribadi, kepentingan cita-cita segolongan minoriti melalui Akta ini tetapi pindaan yang telah dibuat ini pada pendapat saya yang bukan dari seorang lawyer, sudah tepat dan sudah mencukupi untuk mengatasi dan membendung perkara-perkara yang tidak sihat seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk membawa sedikit perkara yang lain selain daripada Akta ini, dan memohon jasa baik Timbalan Menteri Dalam Negeri yang ada dalam Dewan ini, memanjangkan perkara ini kepada Kementerian Kehakiman.

Saya juga turut mengalu-alu dan menyokong penuh kepada pandangan dan cadangan kawan-kawan saya mengenai perlantikan Presiden Dewan Negara. Saya juga merasakan dan setelah meninjau pendapat-pendapat ramai daripada rakyat, kenalan-kenalan saya, bahawa sudah wajarlah di Dewan Negara juga Presidennya hendaklah dilantik daripada mereka yang bukan dari kalangan Senator sahaja. Ertinya kalau didapati ada Presiden atau bakal Presiden yang difikirkan amat bersesuaian dengan jawatan di Dewan yang tertinggi, mulia dan berhemah ini, tetapi mereka itu bukan dari kalangan Senator, biarlah boleh dilantik menggunakan kuasa-kuasa yang ada dalam Perlembagaan kita. Saya juga bersetuju kalau ianya perlu dipinda, maka mintalah kami supaya Kementerian Kehakiman membuat gubalan-gubalan kepada pindaan Perlembagaan yang berkenaan supaya selepas Dewan Rakyat kami akan menyokong dan meluluskannya, kerana Tuan Yang di-Pertua, Presiden adalah satu jawatan yang paling tinggi dan memerlukan seseorang yang benar-benar berwibawa menjalankannya.

Kita sedih di Dewan Rakyat baru-baru ini Timbalan Speaker kita dipertikaikan latarbelakangnya. Kita tidak tahu perkara ini fitnah atau sebaliknya, tetapi sekiranya kita dapat meneliti dengan

sehalus-halusnya perlantikan-perlantikan ini supaya kena dan wajar tempatnya, saya mengharapkan perkara demikian tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Presiden kita yang ada, maksud saya di Dewan Negara dan Timbalannya, Dato Yang di-Pertua di hadapan kita adalah pasangan yang sungguh-sungguh amat memuaskan Dewan ini, dan sungguh-sungguh berwibawa menjalankan tanggungjawab mereka selama ini, bukan sahaja dari segi hemahnya, pengecahuannya, kontrolnya dan juga dari segi sikapnya.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. saya tidak tahu sama ada petang ini kita membahaskan Akta (Pindaan) Pertubuhan ataupun pindaan kepada Standing Orders atau Perlembagaan, kerana saya dapati dua orang rakan saya menimbulkan berkenaan dengan pindaan yang tidak kena-mengena dengan Akta yang kita bincang.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya amat faham mengenai aturan peraturan mesyuarat Dewan Negara, tetapi saya telah memohon izin, kerana ianya di bawah Kementerian Kehakiman. Saya bukan membawa cadangan, tetapi membawa saranan. Saranan dengan cadangan adalah jauh bezanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan ucapan saya kalau mendapat keizinan Tuan Yang di-Pertua, keputusannya, kesimpulannya, maafkan saya, kesimpulannya saya mengharapkan supaya ikhtiar dapat dibuat Presiden yang ada ini dapat memegang jawatannya untuk satu dua term lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan rasa hormat yang tidak terhingga kepada Kementerian Kehakiman, kepada Kementerian Dalam Negeri, dan

dengan rasa bangga kepada Timbalan Menterinya yang benar-benar smart menjalankan tugasnya, maka saya dengan ini menyokong penuh Rang Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966.

Dato' Tan Peng Khoon: Kalau tidak ada orang hendak bahas lagi, saya jemput Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan.

4.55 ptg.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan. Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri mengucapkan ribuan terima kasih ke atas Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap serta memberi teguran dan pandangan terhadap Rang Undang-undang Akta Pertubuhan (Pindaan) 1989 ini.

Pihak saya akan mencuba seberapa daya menjelaskan segala teguran dan pandangan yang telah diutamakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi mana-mana yang tidak dapat saya sentuh, pihak saya akan mengambil perhatian.

Pertamanya, kepada Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak, yang kita tahu menyokong penuh ke atas pindaan Rang Undang-undang ini, tetapi ingin saya nyatakan tentang pertanyaan beliau, mengapa ada sebuah parti politik yang baru ditubuhkan, undang-undangnya sama dengan sebuah parti politik yang telah diharamkan, ingin saya nyatakan semua pertubuhan termasuk parti-parti politik dikehendaki mematuhi kehendak-kehendak yang ada di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan Pertubuhan 1984 sebelum diluluskan pendaftarannya. Begitu juga dengan parti-parti politik baru layak didaftarkan kerana telah mematuhi semua kehendak Akta, selagi penubuhan parti-parti politik tidak menimbulkan mudarat kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara. Jadi apa yang telah diutarakan oleh Yang

Berhormat itu, saya ingat tidak tepat oleh kerana mana-mana pertubuhan parti politik adalah mengikut. lunas-lunas undang-undang yang sedia ada di negara kita ini,

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor yang juga telah menyokong dengan kuatnya atas pindaan ini, dan Yang Berhormat Tuan Haji telah menyingkap kembali sejarah yang begitu mengharukan terhadap parti UMNO, yang merupakan pada masa itu sebuah parti politik yang merupakan tulang-belakang negara yang telah memerintah negara ini hampir 30 tahun. Dan beliau telahpun menyuarakan kesedihannya atas perkara yang berlaku, dan beliau minta biarlah ia merupakan satu sejarah yang pahit bagi negara, dan kini atas titik tolak kepahitan itulah kita perbetulkan agar sejarah hitam itu tidak berulang kembali demi untuk kepentingan negara, agama dan bangsa. Segala nasihat dan pandangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat itu akan menjadi iktibar kepada mana-mana parti politik, juga kepada ahli-ahlinya agar memelihara kerukunan parti masing-masing demi untuk kepentingan perpaduan kaum, kesejahteraan rakyat dan juga keamanan negara keseluruhannya.

Yang Berhormat Puan Hajjah Habidah Jusoh menyokong sambil berterima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Terengganu Darul Naim, Menteri Besarnya kerana perlantikan beliau lagi sekali. Yang Berhormat Puan Hajjah Habidah telah meminta supaya mereka yang membuat fitnah dan khabar-khabar palsu didakwa, perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian Dalam Negeri jika ada laporan-laporan yang sah yang boleh kita ambil tindakan.

Yang Berhormat Dato Chan Choong Tak telah membangkitkan sungguhpun beliau menyokong dengan perasaan yang berbelah bahagi dan

ada perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat itu, yang kadangkala sayapun merasa sungguh, terkejut, iaitu kononnya undang-undang yang dibawa ke Dewan Negara dan Dewan Rakyat sebenarnya adalah dibuat oleh Kabinet. Tetapi perlulah diingatkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat di kedua-dua Dewan ini boleh membincangkan segala pindaan undang-undang tanpa keraguan dan tekaaan dari mana-mana pihak. Jadi saya ingat tentu sekalilah kebebasan Yang Berhormat-Yang Berhormat di kedua-dua Dewan untuk membincangkan segala pindaan-pindaan yang diutarakan oleh pihak Kabinet itu dapat dibuat dengan sebaik-baiknya. Saya fikir bahawa beliau menyokong kerana pindaan undang-undang ini adalah menepati kehendak. Perlembagaan semua parti-parti politik-di negara ini.

Yang Berhormat Tuan G. Rajoo menyokong atas pindaan undang-undang ini tetapi Yang Berhormat G. Rajoo dan Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin telah membangkitkan masalah meminda Perlembagaan atas lantikan Speaker. Perkara ini saya tidak berani hendak masuk campur kerana tidak ada kena-mengena dengan Kementerian saya tetapi saya tahu bahawa di dalam Dewan yang mulia ini ada beberapa kakitangan daripada Kementerian Kehakiman, tentulah sekali mereka sudah mengambil perhatian atas saranan yang telahpun dikemukakan oleh kedua-dua Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin menyokong penuh atas pindaan ini dan telah menyingkap kembali detik-detik dan peristiwa-peristiwa yang menyayatkan di mana sebuah parti yang begitu besar, begitu gagah telahpun diharamkan oleh mahkamah dan daripada peristiwa-peristiwa itulah Kerajaan dan Dewan yang mulia ini merasakan betapa perlunya bahawa Akta ini dipinda terutama perkara 18B dan 18C.

Lagi sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan keseluruhan Dewan yang mulia ini kerana telah memberi sokongan penuh ke atas pindaan Akta ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Tan Peng Khoo: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Dato' Tan Peng Khoo **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi, sebahagian daripada Rang. Undang-undang

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PELABUHAN-PELABUHAN (PENSWASTAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.05 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi memudahkan penswastaan perusahaan-perusahaan pelabuhan mana-mana pihak berkuasa pelabuhan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelabuhan-pelabuhan Persekutuan pada masa ini adalah tertakluk kepada Akta-akta berikut:-

- (1) Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang , 1955
bagi Pelabuhan Pulau Pinang;
- (2) Akta Lembaga-lembaga Pelabuhan, 1963 bagi
Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Johor dan Pelabuhan
Kuantan; dan
- (3) Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu, 1981 bagi
Pelabuhan Bintulu.

Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, beberapa pindaan telah juga dibuat ke atas ketiga-tiga Akta tersebut untuk memasukkan peruntukatr-peruntukan penswastaaan. Sungguhpun demikian, Jabatan Peguam Negara berpendapat bahawa pindaan-pindaan tersebut adalah tidak mencukupi bagi tujuan penswastaaan keseluruhan aktiviti dan operasi pelabuhan.

Adalah lebih tepat dan sesuai sekiranya satu akta khas digubal-untuk pelabuhan-pelabuhan yang diswastakan. Dengan yang demikian, Rang Undang-undang yang dikemukakan hari ini adalah bertujuan untuk mamudahkan penswastaaan pelabuhan-pelabuhan yang sekarang ini ditadbirkan di bawah Lembaga-lembaga ataupun Suruhanjaya Pelabuhan iaitu Pelabuhan Kalang, Pulau Pinang, Johor, Kuantan dan Bintulu.

Maksud penswastaaan di sini adalah apabila Lambaga atau Suruhanjaya Pelabuhan maminda atau melupuskan semua atau mana-mana bahagian pengusahaan-pengusahaan, dengan izin, undertakings atau fungsi operasinya kepada pihak swasta. Pemindahan atau pelupusan tersebut boleh dibuat dengan satu transaksi ataupun beberapa transaksi. Bagi pelesenan kerja—kerja kecilan saperti kerja-kerja dijalankan secara kontrak dan sebagainya, peruntukan di dalam Akta-akta dan Lembaga Suruhanjaya yang sadia ada adalah masih dipakai.

Dengan yang demikian, Akta ini juga menganggap bahawa Lembaga dan Suruhanjaya Pelabuhan yang telahpun ditubuhkan di bawah Akta-akta Lembaga dan Suruhanjaya Pelabuhan akan terus wujud sebagai badan yang akan mengawalselia syarikat-syarikat yang mengambilalih pentadbiran dan operasi pelabuhan-pelabuhan berkenaan.

Akta ini memperuntukkan beberapa fungsi atau kuasa kepada Lembaga-lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan sebagai badan kawalselia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan dengan lebih lanjut lagi mengenai kandungan Akta ini. Ianya mengandungi 7

Bahagian seperti berikut:-

Bahagian I - Permulaan;

Bahagian II - Pemindahan perusahaan
pelabuhan dan rancangan
penswastaaan peabuhan-
pelabuhan;

Bahagian III - Pelesenan;

Bahagian IV - Tugas-tugas Pengendali-
pengendali Berlesen;

Bahagian V - Undang-undang Kecil,
Penalti Am, Kesalahan oleh
Pertubuhan Perbadanan dan
Perjalanan Pendakwaan;

Bahagian VI Pelbagai;

Bahagian VII Pindaan dan Peruntukan
Peralihan.

Bahagian I meliputi tajuk interpretasi dan perkataan-perkataan yang terdapat di dalam kandungan Akta.

Bahagian II bertujuan membuat peruntukan-peruntukan mengenai pemakaian Rang Undang-undang ini, kuasa Lembaga dan Suruhanjaya untuk memindah perusahaan pelabuhan; rancangan penswastaaan Pelabuhan; kuasa-kuasa dan tugas-tugas Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan dan perkara lain yang berhubungan.

Bahagian II ini juga memperuntukkan beberapa syarat yang perlu dipenuhi sebelum mana-mana pelabuhan diswastakan. Apabila sesebuah pelabuhan hendak diswastakan, Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan yang terlibat perlu menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas pelabuhan (buat masa ini Menteri Pengangkutan), satu rancangan atau pelan penswastan untuk persetujuan beliau. Rancangan ini perlu:-

- (1) mengenalpasti perusahaan-perusahaan atau aktiviti-aktiviti Lembaga atau Suruhanjaya berkenaan;
- (2) menyatakan nilai aktiviti-aktiviti tersebut;
- (3) Menyatakan jenis dan takat liabiliti-liabiliti jika ada yang hendak dipindah kepada pihak swasta;
- (4) menyatakan cara-cara mana aktiviti atau perusahaan serta liabiliti tersebut hendak dipindahkan ataupun dilupuskan;
- (5) menyatakan perkiraan berkaitan pemindahan pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkaitan kepada pihak swasta; dan
- (6) perkara-perkara lain yang Lembaga ataupun Suruhanjaya Pelabuhan anggap berkaitan.

Sesuatu pelan penswastan tidak boleh dilaksanakan sehingga mendapat kelulusan Menteri. Dalam hal ini, Menteri mempunyai kuasa untuk meminda mana-mana pelan yang telah dikemukakan selepas perbincangan dengan Lembaga. Pemindahan perusahaan-perusahaan kepada pihak swasta boleh dilakukan sesudah sahaja mendapat persetujuan Menteri. Pelaksanaan apa-apa perjanjian yang perlu di antara Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan dan pihak swasta serta pengeluaran lesen oleh Lembaga atau Suruhanjaya.

Bahagian ini juga memperuntukkan keperluan Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan mengenalpasti liabiliti-liabilitinya berhubung dengan mana-mana aktiviti atau pengusahaan-pengusahaan sekiranya Liabiliti tersebut hendak dipindah kepada pengendali berlesen. Ianya juga memperuntukkan kuasa kepada Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan bagi mengawalselia pihak swasta, termasuk taraf prestasi dan piawai kemudahan dan perkhidmatan.

Bahagian III Rang Undang-undang ini memperuntukkan pelesenan pengendali-pengendali pelabuhan. Tiada pengusahaan pelabuhan atau port undertakings, dengan izin, yang dikenalpasti di dalam rancangan penswastan boleh dipindah kepada pihak swasta kecuali pihak swasta tersebut dilesenkan oleh Lembaga ataupun Suruhanjaya Pelabuhan mengikut subseksyen (3) dan (9) Rang Undang-undang ini.

Dalam hal ini semua permohonan daripada pihak swasta perlu dibuat dengan secara bertulis. Selepas menerima permohonan dari pihak swasta, Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan mempunyai kuasa meluluskan permohonan dengan mengeluarkan lesen kepada pihak swasta yang selepas ini dikenali sebagai pengendali berlesen ataupun menolak permohonan tersebut. Setiap lesen yang dikeluarkan perlu mengandungi jenis-jenis perkhidmatan atau kemudahan yang akan dibekal oleh pihak pemegang lesen. Fee lesen tahunan yang dibayar serta tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh pemegang lesen.

Bahagian III ini juga memberi kuasa kepada Lembaga atau Suruhanjaya menggantung atau menamatkan pada bila-bila masa lesen yang telah dikeluarkan sekiranya pemegang lesen melanggar mana-mana syarat terkandung dalam lesen atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Rang Undang-undang ini.

Akta Lembaga-lembaga Suruhanjaya Pelabuhan ataupun Undang-undang Kecil yang berkaitan. Apabila mana-mana pemegang lesen digantung lesennya, ianya dibenar membuat rayuan bertulis kepada Menteri di dalam jangka masa 30 hari selepas menerima surat penggantungan. Keputusan Menteri adalah muktamad, Apabila sesuatu lesen digantung dan pihak Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan menganggap penggantungan ini akan menjejaskan secara material pergerakan kargo dan penumpang di pelabuhan, Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan dengan keizinan Menteri boleh mengambil milik sementara dan mengendalikan buat sementara mana-mana perusahaan pelabuhan yang berkaitan dan juga mengguna khidmat mana-mana pegawai dan kakitangan pemegang lesen tersebut. Peruntukan ini amat diperlukan demi memastikan operasi pelabuhan tidak terjejas.

Tanpa, menjejaskan peruntukan di atas, jika pada pendapat Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan pengendali pelabuhan telah gagal menjalankan mana-mana tugas yang terkandung dalam syarat lesen dan terus tidak menjalankan tugas tersebut selepas tempoh masa yang diberi oleh Lembaga Pelabuhan., Lembaga tersebut boleh melantik mana-mana orang lain menjalankan tugas berkenaan. Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan juga berhak meminta bayaran balik dari pengendali berlesen ke atas segala perbelanjaan dan kos yang terlibat. Sesiapa yang dilantik oleh Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan selepas itu untuk mengambilalih khidmat pemegang berlesen boleh memasuki mana-mana premis pengendali berlesen dan semasa berbuat demikian membawa masuk ke dalam premis apa-apa kelengkapan atau jentera bagi maksud menjalankan tugas-tugasnya.

Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan bahawa jika tiada terdapat mana-mana peruntukan yang nyata di dalam lesen yang berlawanan, orang yang mengambilalih khidmat tersebut boleh mengambil milikan sementara dan mengendali mana-mana kelengkapan atau jentera kepunyaan pengendali berlesen, termasuk mana-mana pegawai atau kakitangan yang berkaitan untuk melaksanakan tugas-tugas yang diberi kepadanya. Walau bagaimanapun, pampasan yang mencukupi perlulah dibayar kepada pengendali berlesen untuk memastikan operasi pelabuhan tidak terjejas, Rang Undang-undang ini memperuntukkan agar orang yang diguna khidmat oleh Lembaga Pelabuhan terus melaksanakan tugas-tugasnya walau apa pun pertelingkahan yang berbangkit mengenai jumlah pampasan di antara pengendali berlesen dae, orang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV Rang Undang-undang ini memperuntukkan tanggungjawab dan tugas-tugas pengendali berlesen. Pada amnya mereka perlu membekalkan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang terkandung di dalam lesen, yang dikeluarkan supaya mencapai taraf prestasi yang ditetapkan oleh Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan. Mereka hendaklah memberi perhatian yang wajar terhadap kecekapan, ekonomi dan keselamatan pengendalian segala perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang dibekalkan.

Bahagian ini juga menyenaraikan beberapa laporan dan maklumat yang wajib dikemukakan oleh pengendali berlesen kepada Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan. Laporan-laporan tersebut adalah seperti berikut:-

- (1) laporan operasi dan kewangan tahunan untuk membolehkan Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan membuat penilaian mengenai operasi yang berkaitan;
- (2) perangkaan dan data berkaitan operasi yang diperlukan oleh Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan dari semasa ke semasa;
- (3) ramalan kargo dalam bentuk dan masa yang ditetapkan oleh Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan;
- (4) rancangan pembangunan yang ada kaitan dengan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan.

Selain daripada laporan-laporan yang disebutkan tadi, pengendali berlesen diwajibkan juga memaklumkan kepada Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan dengan serta-merta jika terjadi apa-apa perubahan dalam penguasaan dan pengurusan syarikat. Apa-apa pertikaian perindustrian dengan pekerjanya, kejadian kabakaran, kemalangan, kecalakaan, curidikit atau apa-apa prosiding yang dimulakan terhadapnya.

Bahagian V Rang Undang-undang ini adalah mengenai undang-undang kecil penalti dan pendakwaan. Ianya memberi kuasa kepada Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan dengan persetujuan Menteri menggubal undang-undang kecil yang diperlukan atau bermanfaat bagi tujuan melaksanakan ataupun mencapai objek dan tujuan Rang Undang-undang.

Di antara perkara-perkara yang boleh dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang kecil adalah perkara-perkara yang melibatkan pembangunan, kemudahan dan perkhidmatan pelabuhan, pengaulan keselamatan, kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan, pengawalan ke atas penyalahgunaan serta keselamatan kargo-kargo merbahaya dan sebagainya. Mana-mana pengendali berlesen yang melanggar peruntukan-peruntukan undang-undang kecil dan peruntukan Rang Undang-undang ini jika didapati bersalah boleh didenda tidak lebih dari \$50,000 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Peruntukan juga dibuat mengenai kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan sama ada Pengarah, Setiausaha atau Pengurus pertubuhan perbadanan itu.

Bahagian VI pula memperuntukkan perkara-perkara berikut:-

- (1) pengambilan pegawai dan kakitangan Lembaga-lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan. Pihak pengendali berlesen perlu mengambil kerja pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan seperti yang dikenal pasti di dalam rancangan penswastaan. Dalam hal ini pegawai-pegawai dan kakitangan tersebut dikira sebagai memenuhi kehendak seksyen 13 Akta Pencen (Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan.Tempatan), 1980.

- (2) Membolehkan pengendali berlesen mengutip caj-caj dan bayaran-bayaran. Kadar caj yang akan dikenakan oleh pihak pengendali berlesen adalah kadar dues dan charge yang dibuat oleh Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan di bawah Akta-akta Lembaga ataupun Suruhanjaya Pelabuhan yang berkaitan. Dalam hal ini, pengendali berlesen boleh memberi diskaun pada kadar yang ia fikirkan patut dan mengenakan faedah sekiranya caj-caj tersebut tidak dibayar oleh pengguna-pengguna pelabuhan. Ianya juga boleh mengadakan kemudahan-kemudahan pakej kepada mana-mana pelanggannya serta boleh melebihi caj-caj yang lebih tinggi, tetapi tidak melebihi peratus yang diluluskan oleh Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan.
- (3) Memperuntukkan kuasa kepada Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan memeriksa keadaan kawasan, bangunan dan kemudahan-kemudahan pelabuhan untuk memastikan pihak pengendali berlesen mematuhi Rang Undang-undang ini serta undang—undang kecil yang berkaitan.
- (4) Memberi kuasa-kuasa khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membenarkan Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan, di dalam keadaan darurat atau untuk kepentingan keselamatan awam menggantung lesen pengendali dan mengambil milik sementara serta mengendali apa-apa perusahaan pengendali sebagai disifatkan sesuai.

Rang Undang-undang ini membuat beberapa pindaan ke atas Akta-akta Lembaga dan Suruhanjaya Pelabuhan. Oleh kerana penswastaan terminal kontena di bawah Lembaga Pelabuhan dahulu dibuat di bawah Akta Lembaga-lembaga Pelabuhan 1963, ianya sekarang ditaklukkan di bawah Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah huraian saya ke atas Rang Undang-undang Pelabuhan (Penswastan) 1989. Suka saya tegaskan di sini bahawa Rang Undang-undang ini tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timblan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Tan Peng Khoo: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi memudahkan penswastan, perusahaan-perusahaan pelabuhan mana-mana pihak berkuasa Palabuhan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali keduanya sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.19ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) bagi tahun 1989 yang telah dicadangkan baru sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) yang telah dicadangkan, dan saya suka memberi sedikit pandangan berkenaan dengan akta ini.

Seperti yang kita semua maklum bahawa tujuan Kerajaan untuk men-swastakan sesuatu projek ataupun konsep penswastaan ialah untuk meringankan beban Kerajaan dari segi ekonomi ataupun meringankan Kerajaan dalam perbelanjaan.

Yang kedua, ialah Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan.

Yang ketiga, tujuan ialah untuk memberi peluang kepada pihak swasta untuk menyertai dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konsep iai bahawa Kementerian Pengangkutan telah mencadangkan ka Dewan yang mulia ini untuk mengadakan pindaan Rang Undang-undang ataupun mengadakan Rang Undang-undang Pelabuhan-pelabuhan penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin sebut pada petang ini ialah berkaitan dengan satu daripada pelabuhan-pelabuhan yang telah disebut di dalam Rang Undang-undang ini yang akan diswastakan iaitu Pelabuhan Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi sebelum saya datang ke Dewan yang mulia ini, saya telah dijemput oleh pekerja-pekerja, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan daripada Lembaga Pelabuhan Kelang ke Jeti Tanjung Beruas. Saya dengan sendiri telah melawat mereka dan telah mengadakan satu dialog. Apa yang mereka suka saya suarakan dalam Dewan ini ialah untuk menyampaikan pandangan dan hasrat mereka. Pekerja-pekerja, stevedore-stevedore yang ada di Pelabuhan Jeti Tanjung Beruas Melaka telah mendapat sedikit

makluman bahawa Dewan ini akan berbincang berkenaan dengan Rang Undang-undang Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan). Mereka ada beberapa perkara yang mereka khuatir sekiranya Rang Undang-undang ini telah diluluskan pada petang ini dan mereka sangat khuatir nasib dan masa hadapan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Melaka adalah sebuah negeri yang kecil, dan, kami mempunyai satu Jeti Tanjung Beruas yang kecil juga. Jeti Tanjung Beruas mengikut maklumat yang saya dapat, hanya boleh membenarkan kapal yang panjangnya lebih kurang 125 meter yang ke bawah untuk berlabuh. Dari barang-barang yang diimport melalui Jeti Tanjung Beruas selama ini 85% adalah bahan-bahan makanan binatang seperti jagung, dedak dan lain-lain, 10% daripada barang-barang yang diimport ialah petroleum dan gas dan 5% kargo am. Pada masa kini Jeti Tanjung Beruas ini di bawah pengurusan LPK. Apa yang saya dimaklumkan iaitu LPK mempunyai pegawai dan kakitangan sejumlah lebih kurang 11 orang yang sedang bekerja di Jeti Tanjung Beruas dan pada masa kini stevedores ataupun pekerja-pekerja di pelabuhan ialah di bawah empat buah syarikat. Empat buah syarikat stevedore ada menjalankan perkhidmatan ini iaitu Syarikat Setia Tabah, Syarikat Muara Pengangkutan Negeri, Tanjung Beruas Enterprise dan Nor Arif Kamar Trading Company.

Keempat-empat syarikat, yang menjalankan perkhidmatan pangkah-memunggah ataupun perkhidmatan pekerja stevedore mempunyai sejumlah 130 orang pekerja ini tidak termasuk pemandu-pemandu lori dan pekerja-pekerja buruh am yang sedang berkhidmat di

Jeti Tanjung Beruas, Melaka. Saya pun telah diberi peluang untuk menemui beberapa orang pengimport-pengimport dan pengguna-pengguna Jeti Tanjung Beruas pagi tadi. Mereka juga sama berasa bimbang dan khuatir sekiranya pihak LPK hendak swastakan Jeti Tanjung Beruas, Melaka, kerana pada masa kini sebuah kapal ks bawah 125 meter panjangnya yang membawa muatan lebih kurang tidak melebihi 10,000 tan, mengambil masa 3 hari untuk punggah-memunggah oleh pekerja-pekerja di Pelabuhan tersebut. Ini ada berjalan dengan baik. Apa yang mereka khuatir ialah sekiranya Jeti Tanjung Beruas yang saya sebut tadi diswastakan maka kemungkinan syarikat yang ditawarkan untuk menjalankan projek penswastaaan akan keraungkinan menaikkan tarif ataupun meningkatkan bayaran perkhidmatan perkapalan atau, dengan izin, port charges. Jadi, kalau sekiranya pihak swasta mengambil alih dan kalau kemungkinan besar meningkatkan bayaran perkhidmatan perkapalae, maka pengimport-pengimport yang sedang menggunakan Jeti Tanjung Beruas ini tidak akan dapat bersaing dengan sebuah Jeti yang berdekatan dengan Melaka iaitu Jeti Port Dickson. Apa yang saya dapati pada pagi tadi, ada lebih kurang 40% barang-barang yang diimport ini telah dipindah untuk punggah-memunggah di Pelabuhan Port Dickson. Oleh itu kami sangat khuatir apabila ini diswastakan kemungkinan ia akan menjejaskan penggunaan Jeti Tanjung Beruas.

Satu lagi masalah yang kami khuatir sebagai seorang wakil di Negeri Melaka iaitu berkenaan dengan masalah sosial. Bagaimanakah pihak Kementerian ataupun LPK akan mengatasi bilangan pekerja-pekerja yang sedang berkhidmat dan empat

buah syarikat yang sedang menjalankan perkhidmatan di Tanjung Beruas? Hacam mana nasib mereka? Adakah ia akan menjadi satu masalah sosial kepada Kerajaan Negeri Melaka dengan mewujudkan masalah pengangguran bagi pekerja-pekerja yang sedang bergantung kepada Jeti Tanjung Beruas sebagai mata pencarian mereka, kerana kalau 130 orang pekerja yang mempunyai 130 keluarga dan tidak termasuk lagi pekerja-pekerja am - maka ini akan menjadi satu beban dan tanggungjawab yang berat kepada Kerajaan Negeri Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya suka merayu juga jagi pihak pekerja-pekerja dan pengguna-pengguna yang sedang menggunakan Jeti Tanjung Beruas Melaka ini, merayu kepada Kementerian Pengangkutan dan juga Jabatan Perdana Menteri, sebelum menswastakan mana-mana pelabuhan, khususnya Jeti Tanjung Beruas Melaka ini, perlulah membuat satu kajian yang lebih teliti.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita belum dimaklumkan dengan secara rasmi bahawa Jeti Tanjung Beruas akan diswastakan, tetapi kami telah mendapat khabar-khabar angin bahawa sebuah syarikat yang dinamakan Fajari telah mendapat tawaran daripada Kementerian yang berkenaan. Oleh yang demikian, saya suka meminta Dewan yang mulia ini dan juga meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan Buat satu penjelasan dalam Dewan ini bahawa adakah benar atau tidak Syarikat yang dinamakan sebagai Fajari telah mendapat tawaran untuk menswastakan Jeti Tanjung Beruas. Kami rasa kecewa serta tarkejut apabila mendapat khabar angin bahawa Syarikat Fajari yang mendapat atau ditawarkan projek penswastakan, Saya tidak tahu apa kriteria-kriteria yang telah ditentukan dan ditetapkan oleh Kerajaan

kita untuk memohon agar menjalankan projek penswastaaan pelabuhan-pelabuhan. Adakah Kementerian yang berkenaan telah membuat kajian tentang syarikat yang saya sebut tadi? Kalau sebenarnya mereka telah ditawarkan, adakah Kementerian telah membuat kajian bahawa mereka mencukupi pengalaman untuk berusaha untuk menjalankan projek penswastaaan Jeti Tanjung Beruas? Adakah syarikat yang akan menjalankan penswastaaan projek Jeti ini berkeupayaan dan mempunyai modal yang mencukupi untuk menjalankan projek penswastaaan Jeti Tanjung Beruas Melaka? Saya sebut perkara ini kerana ini adalah satu perkara yang serius, serius kerana Jeti Tanjung Beruas ialah sebuah Jeti yang kecil dan kalau syarikat yang telah ditawarkan tidak mencukupi modal bahawa Jeti yang sedia ada akan tinggal dengan keadaan yang serupa.

Kalau syarikat itu mempunyai modal yang mencukupi, maka pada masa akan datang dengan kemungkinan besar maka jeti ini akan diperbesar-kan.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian telah membuat kajian yang teliti bahawa sebelum ianya diswastakan macam mana kepada 11 orang pekerja LPK dan juga kepada 130 orang pekerja-pekerja yang sedang berkhidmat di Jeti Tanjung Beruas. Adakah mereka akan diambil alih oleh pihak syarikat penswastaan ataupun mereka akan dibayar dengan pampasan gantirugi kerana kita tidak mahu penswastaan akan menjejaskan nasib harapan pekerja-pekerja yang ada pada masa kini. Dan juga kita tidak mahu projek penswastaan akan menjadi satu masalah kepada pengimpot-pengimpot, pengguna-pengguna jeti Tanjung Beruas yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, masa kini ada ramai pekerja dekat Tanjung Beruas pun telah bimbang harapan mereka. Kalau Kementerian boleh buat penjelasan tentang nasib mereka, maka penswastaan ini boleh dijalankan. Tetapi walau macam manapun, kita tidak mahu pengalaman yang pahit seperti pelabuhan lama iaitu Pelabuhan Sungai Melaka yang kita telah berpengalaman di mana seramai lebih kurang 200 pekerja-sekerja di pelabuhan lama Sungai Melaka itu menghadapi masalah pengangguran apabila kebanyakan barang-barang yang telah diimpot dan punggah-memunggah telah dipindah ke jeti Tanjung Beruas. Dan juga kita suka hendak menasihatkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya kita tidak mahu projek penswastaan yang dicadangkan ini menjadikan projek penswastaan yang mana telah menjejaskan pekerja-pekerja kepada pihak-pihak yang berkenaan. Seperti contohnya, Lady

Templer Hospital yang mana diswastakan sudah hampir 6 bulan, tetapi pekerja tidak mendapat bayaran gaji.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka bertanya kepada Kementerian Pengangkutan sekiranya jeti Tanjung Beruas, Melaka ini telah diswastakan apakah faedah dan kepentingan akan dinikmati oleh Kerajaan dan juga semua rakyat di Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini adalah berkaitan dengan nasib dan masa hadapan pekerja-pekerja am dan pekerja-pekerja di jeti Tanjung Beruas, Melaka maka saya suka merayu kepada pihak Kementerian kalau sekiranya Rang Undang-undang pada petang ini kita telah luluskan dan kalau sekiranya Kementerian hendak menswastakan pelabuhan-pelabuhan yang sebanyak 6 yang ada di dalam negara kita ini maka saya cadangkan jeti Tanjung Beruas di Melaka ini ditangguhkan buat sementara sehingga satu kajian yang lebih teliti dijalankan kerana kita tidak tnhu penswastan projek ini menjejaskan mata pencarian pekerja-pekerja yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan dalam projek penswastan pelabuhan-pelabuhan kerana negara kita sekarang telah menarik ramai pelabur-pelabur asing dan bilangan kilang-kilang telah meningkat, khususnya di Melaka ini yang berdekatan dengan jeti Tanjung Beruas di mana projek kilang penapis minyak Petronas terletak tapaknya berdekatan dengan jeti Tanjung Beruas. Sekiranya Kementerian hendak buat kajian untuk menswastakan jeti ini, saya harap bahawa syarikat yang diswastakan juga akan minat dan mempunyai pengalaman dan modal yang mencukupi selain daripada mengambil alih projek jeti Tanjung Beruas juga akan merancang untuk meningkatkan jeti Tanjung Beruas sebagai

satu jeti perkhidmatan kontena bagi mengatasi masalah perkhidmatan kontena yang sedang dihadapi oleh pelabur-pelabur yang ada di Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya dan perbahasan saya, saya juga suka menyentuh sedikit berkenaan dengan Sungai Melaka, iaitu pelabuhan lama yang di bawah jagaan LPK, di bawah urusan Kementerian Pengangkutan yang mana telah beberapa kali kita merayu kepada Kementerian Pengangkutan untuk membersihkan muara ataupun Kuala Sungai Melaka yang mana kuala ataupun muara Sungai Melaka telah dipenuhi dengan lumpur. Ini adalah disebabkan kerana projek tambak laut yang telah dijalankan. Kementerian Pengangkutan telah memberi alasan bahawa tidak ada peruntukan dan tidak ada kapal mengorek. Saya berasa ini tidak boleh diterima kerana masalah ini pun celah lama ditimbulkan dan telah lama dikemukakan. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan yang ada pada petang ini di Dewan ini akan mengambil perhatian tentang masalah muara Sungai Melaka yang telah dipenuhi dengan lumpur, yang telah mengakibatkan bot-bot nelayan sukar untuk masuk ke Sungai Melaka. Ini telah menyukarkan kehidupan rakyat ataupun penduduk-penduduk yang berdekatan yang bergantung kepada mata pencarian mereka dengan Sungai Melaka, khususnya pekerja-pekerja tongkang dan nelayan-nelayan yang menggunakan bot mereka untuk masuk ke Sungai Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya suka memberi sokongan kepada Rang Undang-undang yang telah dicadangkan, iaitu Rang Undang-undang Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) bagi tahun 1989 dan saya sekali lagi memberi sokongan. Sebelum saya akhir, saya suka mengingatkan kepada Kementerian yang berkenaan membuat satu kajian yang lebih teliti sebelum hendak swastakan jeti Tanjung Beruas,

Melaka. Ini adalah hasrat dan pandangan daripada pekerja-pekerja yang sedang berada di jeti Tanjung Beruas. Sekian, terima kasih.

Dato' Tan Peng Khoon: Jika tidak ada ahli lagi yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan.

5,38ptg.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay yang telah membahaskan mengenai Akta ini, khususnya berkaitan dengan jeti Tanjung Beruas dan Pelabuhan Melaka.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan **ini**, Kerajaan telah memutuskan bahawa Pelabuhan Melaka, iaitu Tanjung Beruas diswastakan dan diberi kepada sebuah syarikat tempatan walaupun ianya belum lagi dapat dilaksanakan kerana menunggu Akta yang kita bahaskan hari ini diluluskan, barulah boleh ianya dilaksanakan. Yang Berhormat, saya harap tidaklah begitu bimbang sangat kerana apabila saya menghurai-kan Akta ini tadi semua peruntukan-peruntukan telah saya beritahu bahawa pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai.....

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat, saya buat penjelasan, bukan saya yang bimbang, semua pekerja-pekerja 130 orang dan juga kakitangan LPK dan juga semua pekerja-pekerja yang bergantung mata pencarian mereka di jeti Tanjung Beruas berasa bimbang, bukan saya seorang yang berasa bimbang.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Yang Berhormat kata Yang Berhormat wakil, sudah tentulah saya kata Yang Berhormat bimbang mewakili mereka semua, jadi kena fahamlah **itu**. Bimbang ini memanglah mereka bimbang, tetapi saya sudah menjelaskan di bawah

Bahagian II tadi, iaitu Fasal 5 saya menyatakan bahawa semua kakitangan dan semua pegawai akan diambil alih oleh pihak swasta, Bererti mereka akan diberi option untuk memilih sama ada untuk masuk kepada syarikat swasta ini ataupun untuk berhenti. Itu cerpulang kepada merekalah. Jadi bererti peruntukannya ada dalam undang-undang.

Yang keduanya, 4 syarikat stevedoring tadi yang telah disebut oleh Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa perkhidmatan syarikat stevedoring ini akan dikekaikan, tak ada masalah, iaitu mereka akan membuat operasi secara kontrak.

Mengenai kakitangan tadi, saya sudah kata pegawai-pegawai LPK pun dan juga seluruh kakitangan 130 orang itu akan diserapkan, iaitu mengikut Rang Undang-undang yang ada di dalam ini dan juga mengikut ada Option A, Option B di bawah subseksyen yang telah saya sebutkan itu. Jadi, tidak ada menjadi masalahlah.

Ada perkara lagi yang telah disebutkan. oleh Yang Berhormat tadi iaitu. charges dan telah juga saya huraikan tadi bahawa pengendali berlesen boleh melevi apa-apa charge dan meminta apa-apa bayaran, tetapi mengikut had yang ditentukan oleh Lembaga ataupun Suruhanjaya Pelabuhan yang berkenaan.

Dalam masalah Jeti Beruas, Lembaga Pelabuhan Melaka ini ialah Lembaga Pelabuhan Kelang. Kita telah juga membubuh dalam Akta ini iaitu mana-mana Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan-pelabuhan yang menswastakan undertakingsnya berhak mengawalselia. Bahkan kalau terjadi apa-apa juga perkara yang didapati bahawa pengendali berlesen ini tidak memuaskan dari segi perjalanan pengusahaanya, Lembaga juga berhak mengambilalih perusahaan-pengusahaan itu dan boleh melantik orang lain pula untuk masuk mengendalikannya. Itu telah saya huraikan tadi dengan panjang lebar.

Syarikat FAJARI, memanglah telah dicawarkan kepada Syarikat FAJARI atas, dengan izin, first come first serve basis, kerana syarikat inilah yang awal-awalnya dahulu telah mengemukakan pelan penswastan bagi Tanjung Beruas dan Pelabuhan Melaka ini iaitu dengan syarat, disyaratkan bahawa ianya hendaklah membayar pembayaran goodwill yang juga bolchlah dikatakan menjadi manfaat seperti Yang Berhormat tanya tadi. Apa faedah dan sebagainya pembayaran goodwill sewa pajakan iaitu tempoh pajakan selama 21 Cahun dan pengambilan pekerja-pekerja Lembaga Pelabuhan Melaka dan juga lembaga Pelabuhan Kelang yang terlibat bersama di situ sebagai syarat dan membina jeti baru.

Yang Berhormat kata tadi, Pelabuhan Melaka sudah penuh lumpur semua. Jadi, kalau kita sudah ada syarikat diswastakan Pelabuhan

ini, maka perkara itu akan diselesaikan dan jeti baru akan dibina.

Tuan Ng Peng Hay: Untuk penjelasan, Apa yang saya sebut tadi, ialah mengenai Sungai Melaka, muara Sungai Melaka, Pelabuhan lama, bukan Jeti Tanjung Berus yang telah dipenuhi dengan lumpur, tidak kena mengena dengan Jeti Tanjung Beruas.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kalau pelabuhan, pelabuhan yang berkenaanlah yang akan mengambil tindakan dan kerja-kerja mengorek muara sungai atau mendalamkan mana-mana sungai ini terpaksa mengikut giliran, kerana kita tidak mempunyai banyak kapal korek ataupun pihak Lembaga boleh menswastakan. kerja ini apabila peruntukannya ada. Yang Berhormat kata tadi peruntukannya pun tak ada.

Mengenai keraguan Yang Berhormat terhadap syarikat yang dilantik untuk menswastakan ini, adakah ia nanti mempunyai pengalaman ataupun mempunyai kewangan atau modal yang mencukupi dalam operasi pelabuhan ini. Beberapa perbincangan telah diadakan dan penelitian telah dibuat di peringkat Kementerian dan juga oleh Jabatan Perdana Menteri dalam hal ini, dan ternyata bahawa pihak-pihak ini semuanya yakin bahawa syarikat mempunyai kemampuan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya diwujudkan satu jeti container, ini terpulanglah kepada pelan penswastakan yang akan dikemuka dan dikendalikan kelak.

Saya terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat atas minat beliau sebagai mewakili orang-orang Melaka dalam perbahasan ini dan terima kasih kerana beliau awal-awal tadi telah menyokong Rang Undang-undang ini.

Dato' Tan Peng Khoon: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah banawa. Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Dato' Tan Peng Khoon. mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadua.1 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO.2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.47 ptg.

Timbalan Henteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin. Wan Mohamed]: Tuan. Yang.di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan. 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan.) 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Ordinan Setem 1949 dan Akta Cukai Parkhidmatan 1975 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan buat kali kedua sekarang. Pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan semasa pembentangan Belanjawan 1990 yang lalu.

Di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Bab I Rang Undang—undang ini adalah mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja. Bab II adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

Di bawah Seksyen 34A Akta Cukai Pendapatan, potongan dua kali adalah diberi khas kepada perbelanjaan ke atas penyelidikan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan ini tidak meliputi perbelanjaan ke atas modal yang termasuk loji, mesin, tanah dan bangunan-bangunan.

Fasal 4 bertujuan meminda Seksyen 34A Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk memperluaskan skop potongan dua kali yang dilakukan ke atas penyelidikan yang dikendalikan oleh sesuatu syarikat yang menyertai program pelarasan perindustrian yang diluluskan di bawah Akta Penggalakkan Pelaburan 1986. Potongan ini hanya diberi berkenaan dengan perbelanjaan penyelidikan yang dilakukan oleh syarikat itu dalam masa 10 tahun dari tarikh kelulusan program perindustrian itu. Pindaan ini berkuatkuasakan dari tahun taksiran 1991.

Cadangan ini dibuat untuk menggalakkan syarikat-syarikat untuk menyusun semula struktur organisasi mereka bagi meningkatkan kecekapan mereka.

Dalam Belanjawan 1990, Menteri Kewangan telah mencadangkan agar sekatan yang dikenakan ke atas potongan untuk bayaran bonos dihapuskan. Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 3(a)(1)(h) Akta untuk menghapuskan sekatan tersebut. Dengan itu apa-apa perabayaran, bonus kepada para pekerja boleh mendapat potongan sepenuhnya, Pindaan ini berkuatkuasa dari tahun taksiran 1990.

Di bawah seksyen 44(6) hadiah wang tunai yang diberi oleh individu kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan atau institusi atau organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri boleh diberi potongan cukai. Fasal 6 pula bertujuan meminda seksyen 44(7) Akta supaya derma wang tunai yang dibuat kepada sesuatu organisasi yang terlibat dalam atau perhubungan dengan pemeliharaan atau perlindungan binatang-binatang layak mendapat pelepasan. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1990.

Fasal 7 bertujuan meminda perenggan 37B Jadual 3 untuk membenarkan elaun bangunan perindustrian diberi berkenaan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas sesuatu bangunan yang digunakan untuk penyelidikan atau latihan yang dijalankan oleh sesuatu syarikat yang menyertai program pelarasan perindustrian yang diluluskan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Elaun bangunan perindustrian ini diberi berkenaan dengan perbelanjaan yang

dilakukan dalam masa sepuluh tahun dari tarikh kelulusan program pelarasan perindustrian itu. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1991.

Fasal 8 pula bertujuan meminda Jadual 7A supaya sesuatu syarikat yang menyertai program pelarasan perindustrian yang diluluskan layak mendapat elaun pelaburan semula. Elaun ini adalah berhubung dengan perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas sesuatu kilang atau loji atau jentera bagi maksud-maksud sesuatu projek yang dikendalikan oleh syarikat itu dalam mengembangkan perniagaan yang wujud atau untuk memodenkan proses atau teknik pengeluarannya. Walau bagaimanapun, syarikat yang menikmati elaun pelarasan-perindustrian di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 tidak layak menikmati elaun pelaburan semula. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1991.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III adalah berkenaan pindaan kepada akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Fasal 10 bertujuan meminda seksyen 18 Akta untuk menghapuskan sekatan potongan berkenaan dengan pembayaran bonos yang dibuat kepada pekerja. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Bab IV adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967. Di dalam Belanjawan 1989, Cadangan telah dibuat supaya kadar cukai pembangunan dikurangkan secara beransur-ansur. Fasal 12, bertujuan meminda seksyen 16 Akta untuk mengurangkan kadar cukai pembangunan daripada 5% kepada 4% mulai dari, tahun taksiran 1990,

Tuan Yang di-Pertua, Bab V adalah berkenaan pindaan kepada Ordinan Setem 1949, Fasal 14 bertujuan untuk memperuntukkan

pengecualian duti-duti stem berkenaan dengan kontrak pembelian bagi perakuan simpanan bolehniaga dan berkenaan. dengan suratcara pemindahan bagi unit-unit dalam amanah unit. Pindaan ini mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Bab VI adalah berkenaan. pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975 Fasal 16 bertujuan meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 untuk mengecualikan Labuan daripada pemakaian Akta itu. Pindaan ini disifatkan telah mula " berkuatkuasa pada 28hb Oktober, 1989.

Pidaan-pidaan lain adalah merupakan pindaan kecil yang dibuat untuk melengkapkau undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr. Ting Chew Peh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Tan. Peng Kboon: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah supaya Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Peroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Pendapatan Tambahan 1967, Ordinan Setem 1949 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas,

5.56 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih- kerana meraberi 3aya peluang untuk merabahaskan aecara ringkas dan seterusnya racuyokong di atas Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan Cempoh hanya bebcrapa bidang yang tertentu sahaja. Rang Undang—undang ini raemang sepatutnya

telah lama di bawa ke dalam Dewan ini. Paling penting dalam ,Rang Undang-uudang ini ialah mengenai kebenaran potongan dua kali berkenaan dengan perbelanjaan penyelidikan di bawah Fasal 4.

Memang perbelanjaan ini boleh dianggap sebagai pelaburan kerana tujuannya ialah—untuk matlamat jangka panjang, demi kepentingan pembangunan negara. Pembangunan negara terutama di bidang industri bergantung kepada penyelidikan. Hanya dengan penyelidikan mutu barangan dapat diperbaiki, hanya dengan penyelidikan jumlah barangan dapat ditambah, dapat dipelbagai, dapat diubahsuai, dikemaskan fungsinya dan unsur-unsur untuk membaiki mutu barangan tersebut.

Dengan pendekatan tahap mutu dan pendekatan jumlah penjenisan barangan pihak industri kita sama ada di bidang perkilangan atau pertanian dapat berkembang. Perkembangan di bidang-bidang tersebut akan membawa kesan positif terhadap perkembangan ekonomi negara. Oleh yang demikian, Rang Undang-undang ini amatlah mustahak dan perlu disokong dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, memang penyelidikan di pihak swasta agak lembab dan kebanyakan penyelidikan dijalankan oleh pihak-pihak Kerajaan. Paling baru yang ditubuhkan oleh Kerajaan ialah Taman Teknologi, selain daripada yang sedia ada iaitu MARDI, SIRIM, PORLA dan sebagainya dan hasil penyelidikan ini diberi kepada pihak swasta untuk kegunaan mereka.

Sering kali pcnyelidikan oleh pihak Kerajaan iaitu oleh institusi-institusi penyelidikan tinggi dan lain-lain adalah di tahap eksperimen sahaja, jarang sekali sampai ke tahap pelaksanaan asas ataupun ke tahap pilot project. Oleh yang demikian, hasil

kajian tadi kurang ada nilai kommersil. Untuk mencapai ke tahap ini, pihak swasta harus mengambil alih dan diberi insentif seperti kelulusan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai potongan cukai penuh terhadap pembayaran bonos kepada pekerja, saya rasa usaha ini adalah wajar. Usaha ini memberi insentif kepada kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja.. Pihak majikan berfaedah dengan tidak dikenakan potongan bayaran cukai pendapatan. Ini bermakna pihak majikan akan mendapat untung yang lebih. Keadaan ini perlu untuk pembangunan. dan perkembangan sektor perkilangan dan industri secara umumnya.

Pihak pekerja pula berfaedah dengan kelebihan pendapatan hasil dari efficiency dan productivity, dengan izin, mereka sendiri.

Dengan kelebihan pendapatan ini, perbelanjaan mereka pun meningkat. Peningkatan perbelanjaan adalah baik untuk perkembangan ekonomi negara. Baki dari perbelanjaan tadi oleh pekerja-pekerja seharusnya disimpan di institusi kewangan. Pihak inatiCusl kewangan pula mengeluarkan pinjaman kepada pengusaha dan peniaga untuk mendirikan perusahaan dan perniagaan. Dengan ini wujudlah galakan kegiatan ekonomi negara ataupun multiplied effect, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7 dan 8 membawa tujuan yang sama iaitu elaan bangunan perindustrian untuk tujuan penyelidikan dan elaan pelaburan semula untuk tujuan mengembangkan perniagaan yang wujud atau untuk memodenkan proses atau teknik pengeluaran. Oleh sebab Fasal 7 dan 8 ini membawa matlamat perkembangan ekonomi negara dan suasana industri yang subur dan aman maka pihak saya sarankan agar pihak Kerajaan menyegerakan perlaksanaan Akta ini agar nikmatnya dapat dirasakan segera oleh segala peringkat industri dan masyarakat umumnya.

Tuan Yang di-Pertua, kelulusan Rang Undang-undang ini akan mewujudkan bukan sahaja suasana ekonomi yang setabil dan berkembang tetapi juga suasana politik yang memihak kepada pihak Kerajaan. Ini adalah penting bagi meneruskan dasar Barisan Nasional dan lebih-lebih lagi dasar ke arah pencapaian keseimbangan ekonomi antara kaum dan ke arah pembasmian kemiskinan dan pengurangan tahap peningkatan pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin tempoh Fasal-fasal yang lain dalam Rang Undang-undang ini bagaimanapun oleh sebab semuanya fasal-fasal itu ada kaitan dengan tujuan kegiatan ekonomi negara dan

kepentingan masyarakat korporat dan rakyat maka saya sokong di atas fasal-fasal tersebut.

Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhirinya, saya ingin tempoh bidang-bidang lain berkaitan dengan Kementerian.. Yang pertama, saya ingin tempoh mengenai mogok seni sekali lagi. Pada hari itu telahpun saya tempoh Mogok seni ada implikasi kewangan yang jelas tetapi ada juga implikasi politik kepada negara . Mogok ini telah berjalan begitu lama dan tidak ada tanda untuk diakhiri. Olah sebab implikasi kewangan ada kaitan dengan Kementerian Keterangan, inginalah saya cadangkan supaya Tabung Usahawan Baru (TUB) yang baru ditubuh dibuka kepada ahli-ahli sastera kita supaya mereka dapat mencebur diri secara langsung dalam bidang perusahaan dan perniagaan. Sekarang mereka ini bergantung nasib atau rezeki kepada pengeluar, pencetak dan pengedar hasil karya mereka. Nasihat saya agar mereka terus menjadi lebih kreatif secara konkrit dan bukan hanya sebagai pengeluar idea-idea mental dan khayalan. Mereka seharusnya lebih konstruktif, lebih praktikal dan lebih materlalistik selain dari berkhayal dengan ilham-ilham mereka sahaja dan mengharap kesihan belas daripada orang lain untuk menolong mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Tabung Usahawan Baru ini dapatlah menolong ahli-ahli sastera kita yang malang ini. Rezeki di tangan Tuhan, usaha juga di suruh Tuhan, Tuan Yang di-Pertua.

Sekarang saya inginalah tempuh sedikit mengenai tiga AGs secara khusus mengenai audit untuk menentukan kedudukan sistem kewangan, prestasi dan kawalan wang. Kita telah sedia ada tiga orang AGs, Accountant-General, Auditor-General dan Attorney-General. Accountant-General untuk menentukan sistem perakaunan dan untuk

updating account, dengan izin. Auditor-General pula untuk mengaudit akaun dan mungkin untuk mencadang sesuatu cara untuk mengatasi apa-apa kekurangan. Anihnya, baru-baru ini kedua-dua badan ini berbalah. Auditor General berkata beliau tidak ada kuasa untuk membuat cadangan bagi mengatasi kelemahan akaun. Saya rasa hairan mengapa seorang pegawai yang begitu tinggi tarafnya tidak mengguna budibicaranya untuk mencadangkan sistem yang perlu atau apa-apa recommendation yang sesuai. Tetapi sekiranya Auditor General perlu diberi kuasa sepertimana disebut oleh beliau, saya ingin sarankan kepada pihak Kerajaan supaya kuasa ini diberi kepada beliau untuk mencadang sesuatu solution untuk menganas kini sistem perakaunan kita.

Tetapi apakah ini kerja Auditor-General. Bukankah ini kerja Accountant General atau sekurang-kurangnya tidak bolehkah kedua-dua pihak guna budibicara atau daya penyelarasan untuk menyelesaikan masalah kaedah perakaunan ini. Mengapa hal ini harus dibawa ke perbahasan akhbar-akhbar dan akhbar-akhbar pula menjadi perantara. Apakah sebenarnya masalah antara dua jabatan ini, saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Setakat ini pihak lagi satu AG iaitu Attorney-General belum bertindak apa-apa dan saya berharap kalau sekiranya masalah ini berterusan, pihak AG yang ketiga ini pula akan bertindak.

Saya ingin juga menarik perhatian mengenai pengambilan tanah oleh Kerajaan (land acquisition), di bidang yang ada kaitan dengan Kementerian Kewangan, khususnya tanah-tanah-orang Melayu di bandar dan di luar bandar. Saya tidak pertikai mengenai pengambilan tanah atas sebab-sebab kepentingan rakyat. Saya hanya hendak penjelasan mengenai pampasan. Biasanya pampasan untuk tanah-tanah orang Melayu

tidak mengikut harga pasaran iaitu selalunya lebih rendah dari harga pasaran. Sebaliknya,- pampasan untuk tanah-tanah freehold, dengan izin, mengikut harga pasaran dan mungkin dibenar lebih tinggi sekiranya dirayu. Tanah-tanah kepunyaan orang-orang Melayu bukan hanya mendapat pampasan rendah sahaja tetapi jarang sekali diberi tanah lain sebagai ganti, terutama di bandar-bandar.

Selain dari itu patut diingat bahawa penilaian Kerajaan adalah lebih rendah dari penilaian pasaran, Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya mencadangkan pihak Kerajaan mengguna penilaian swasta atau pasaran sebagai asas untuk segala pampasan harga tanah yang diambil oleh pihak Kerajaan. Selain dari itu pihak Kerajaan harus membuat dasar supaya pengambilan tanah diganti dengan pampasan mengikut harga pasaran dan juga diberi tanah gantian, terutama untuk orang-orang Melayu. Inilah cara untuk mengimbangi kedudukan ekonomi rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

Satu bidang lagi yang saya ingin tempoh iaitu yang ada implikasi kewangan, Tuan Yang di-Pertua, iaitu berikutan dengan perletakan senjata oleh komunis. Ini bermakna pihak angkatan bersenjata kita akan diringankan daripada tugas tempur. Saya sambut baik dengan rancangan Kementerian untuk memberi latihan supaya tugas mereka diubahsuai kepada tugas-tugas berkaitan dengan keselamatan dan pembangunan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pihak askar kita masih tahan lasak untuk kerja-kerja berat dan manual seperti di sektor pertanian dan pembinaan. Negara kita masih rnengimport ramai pekerja-pekerja luar untuk bekerja di bidang pertanian dan pembinaan. Pekerja-pekerja import ini dapat diganti dengan askar-askar kita yang mahu bekerja di bidang-bidang yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, negara lain memang telahpun menjalankan usaha ini dengan jayanya di kedua-dua bidang yang saya sebutkan tadi. Implikasi kewangan boleh menguntungkan negara. Gaji atau elaun dapat diserapkan oleh pihak swasta atau secara kongsi, sekiranya cara kongsi, pihak swasta mendapat faedah dari segi pengurangan kos pembinaan acaupun kos pengeluaran. Ini menguntungkan negara dari segi eksport. Pihak askar tadi pula selain dari mendapat faedah kewangan, mereka juga dapat faedah pengalaman dan pengisian masa yang mungkin kosong. Pihak Kerajaan dapat menjimatkan perbelanjaan negara. Pihak rakyat dan negara boleh bebas dari gejala pekerja-pekerja asing sama ada yang datang secara halal ataupun haram, lebih-lebih lagi secara haram.

Pertumbuhan Korea Selatan adalah hasil daripada usaha seperti ini. Kita harus teladani pengalaman mereka.

Untuk mengakhiri, inginlah saya tempoh sedikit sebanyak mengenai Perbekalan di mana saya tidak berpeluang untuk berucap minggu yang lepas. Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya menyatakan bahawa Perbekalan 1990 ini adalah satu hasil waras dari pihak Kerajaan untuk mengimbangi kepentingan rakyat dan kepentingan Kerajaan dan seterusnya untuk menyenangkan pelaksanaan dasar dan matlamat Barisan Nasional ke arah kemakmuran, penghapusan kemiskinan, pengangguran dan ke arah pengstabilan pentadbiran dan politik negara. Perbekalan adalah keperluan untuk pembangunan tetapi Perbekalan sahaja belum pasti pelaksanaan akan sempurna dan berkesan.

Sering kali kita dengar rungutan mengenai kegagalan pelaksanaan dasar-dasar. Tiap-tiap Kementerian terlibat dalam pelaksanaan dasar. Kerajaan Ada Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan yang masih lagi belum peka kepada perkembangan semasa ataupun kurang mahu menggunakan daya kreativiti dan budi-bicara untuk meneruskan pelaksanaan dasar Kerajaan. Ada Jabatan-jabatan yang work to rule, dengan izin, dan langsung tidak ada kepentingan dan unsur-unsur politik di dalam membuat sesuatu keputusan hinggalah projek-projek yang sepatutnya telah berjalan malahan sepatutnya telahpun siap masih lagi belum siap. Apakah ini bureaucracy, dengan izin, atau tidak. cekap atau tidak ada kuasa atau tidak mahu menggunakan budibicara atau discrecion, dengan izin, atau tidak mendapat delegacion, dengan izin, dari atasan.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan perlu dibuat, pihak Kerajaan seharusnya memberi lebih kebebasan kepada pegawai-pegawai untuk menggunakan kuasa discretion ataupun discretionary power di dalam sesuatu keputusan ke arah pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Saya rasa inilah sebenarnya satu perkara yang terbantutnya projek-projek oleh sebab pegawai-pegawai belum ada ataupun belum diberi **discretionary power** yang sepenuhnya untuk menjalankan tugas. Sekiranya mereka tidak mendapat keputusan dari political boss, mereka terus tidak akan menjalankan pelaksanaan projek-projek tersebut. Kegagalan ini melibatkan kelewatan projek-projek atau kegagalan-kegagalan projek ataupun terus tidak dilaksanakan. Saya tidak perlu memberi contoh, pihak Kerajaan mengetahui dan ini terbukti daripada peruntukan yang tidak digunakan di peringkat negeri, wang peruntukan

ditarik balik dari negeri-negeri atau jabatan-jabatan. Siapa yang lebih rugi? Kerajaan atau rakyat ataupun kedua-duanya? Rasa saya kedua-duanya pun rugi.

Sebagai contoh, kelambatan atau keengganan pihak Kementerian Perusahaan Awam untuk mengeluarkan permit 'C' atau 'A' kepada lori-lori berat menjejaskan pembangunan infrastruktural. Ini sebagai contoh, saya tidak menuduh sesiapa, sekiranya pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak memberi APs untuk lori tanah oleh sebab lori tanah telah kekurangan, sekali lagi ini sebagai contoh, inipun menjejaskan pembangunan. Begitu juga sekiranya Kementerian Kewangan tidak menurunkan cukai import dan cukai jualan untuk jentera berat dan bahan-bahan binaan, inipun menjejaskan pembangunan. Maka dengan itu, kepekaan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan terhadap perkembangan semasa dalam bidang industri secara umum adalah penting, agar segala usaha penyelarasan ke arah pelaksanaan dasar ekonomi negara dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, hanya sekian, sekali lagi saya menyokong, terima kasih,

6.16ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wau Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Dahalan bin Haji Embun dari Perlis yang telah membahaskan Rang Undang-undang ini.

Saya akan jawab secara ringkas beberapa perkara yang telah dibawa oleh Yang Berhormat. Saya jawab- daripada bawah dahulu iaitu pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan lambat. Perkara

ini dipandaug oleh Kerajaan sebagai satu masalah yang serius. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menegur banyak projek-projek yang telah kita luluskan tetapi perlaksanaannya lambat. Oleh yang demikian, semua Kementerian telah diarahkan supaya mengadakan perancangan yang teliti ke atas semua projek-projek mereka dan kemudian barulah Kementerian Kewangan akan manpastikan peruntukan itu ada untuk dilaksanakan. Ini satu langkah, maknanya, jika sekiranya tidak ada perancangan untuk dilaksanakan, umpamanya tanah belum selesai dan sebagainya, kita tidak akan mengeluarkan waran untuknya. Perkara ini kita akan maklumkan kepada semua Kementerian. Kita akan mengambil tindakan yang tegas supaya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tersebut akan, dapat diselesaikan.

Berkenaan dengan memberi kuasa budibicara yang lebih kepada pegawai-pegawai, perkara ini memang telah ada. Kita mempunyai peraturan-peraturan tertentu yang mana bukan semua projek-projek ini memerlukan kelulusan Menteri, misalnya, kebanyakan projek-projek yang telah kita luluskan hanya menunggu pelaksanaan sahaja. Urusan memanggil tender dilakukan oleh pegawai, urusan tapak, pengambilan tanah dan sebagainya diuruskan oleh pegawai-pegawai; cuma membuat keputusan berkenaan dengan tender tersebut, ini tidak mengambil masa yang lama jika perkara-perkara yang berkaitan telah diuruskan.

Seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan dalam Belanjawan ini, Kementerian Kewangan telah menaikkan had di mana Jabatan Kerajaan boleh memutuskan sendiri tender-tender iaitu daripada S5 juta

hingga \$10 juta. Ini juga bertujuan supaya pelaksanaan kerja lebih cepat dijalankan.

Berkenaan dengan perletakan senjata daripada anggota komunis ini, cadangan Yang Berhormat itu adalah sangat baik dan terlalu ideal, kalau dapat dilaksanakan sangatlah cantik bagi negara kita. Tetapi kebimbangan kita mahukah askar-askar ini berhenti daripada askar kemudiannya menjadi penoreh getah atau mengangkat buah kelapa sawit? Oleh hal yang demikian, saya serahkanlah perkara ini untuk dikaji oleh pihak yang berkenaan. Berkenaan dengan pengambilan tanah, masalah penilaian, ini perkara yang kita selalu berada di dalam keadaan dilema. Bila kita hendak menilai untuk membayar bayaran stem untuk pindahmilik, kita hendak penilaiannya lebih rendah dan bila Kerajaan acquire tanah ini, kita hendakkan penilaiannya lebih tinggi.

Semasa saya menjadi Penolong Pegawai Daerah dahulu, perkara-perkara ini selalu berlaku. Walau bagaimanapun, saya suka maklumkan kepada Dewan ini bahawa Jabatan Penilaian di bawah Kementerian Kawangan mempunyai satu 'set of guidelines', ataupun, dengan izin, cara-cara untuk menentukan penilaian tanah-tanah dan hartanah di seluruh negara ini mengikut kawasan-kawasan, iaitu mengikut harga pasaran, mengikat keadaan dan sebagainya. Jadi tidaklah kita tidak mengambil langsung faktor-faktor yang patut untuk kita buat penilaian.-

Namun begitu, seperti yang kita maklum, penilaian kepada tanah-tanah simpanan Melayu bergantung kepada lokasi dan juga adalah berbeza dengan tanah-tanah bukan simpanan Melayu walaupun di tempat yang sama. Selain daripada itu, berkenaan dengan pengambilan tanah ini, jika sekiranya pemilik tidak puas hati tentang penilaian, mereka boleh mencabar kaputusan nilai itu di mahkamah. Walaupun proses pengambilan tanah itu terus berjalan, tetapi ada ruang bagi mereka merayu, iaitu kepada Mahkamah Tinggi.

Berkanaan dengan tiga AGs, atau three AGg, dengan izin, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, mungkin beberapa AG itu saya tidak boleh jawablah, tetapi yang AG di bawah Kementerian Kewangan, kita akan pastikan bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan diambil perhatian. Selain daripada itu, tentang kawalan kewangan, Kerajaan memang pada masa ini senentiasa memperhatikan supaya semua peraturan-peraturan berkenaan dengan kawalan kewangan kita dipatuhi supaya kita dapat menguruskan masalah kewangan negara ini dengan lebih cekap dan berkesan.

Berkanaan dengan mogok seni yang mana Yang Berhormat telah

tempuh - saya pinjam perkataan "tempuh", - ini cakap orang Perlis - tempuh masalah mogok 'Seni ini adalah implikasi kepada politik. dan kawangan dan selama dengan itu Yang Berhormat mencadangkan supaya Tabung Usahawan Baru (TUB) ini dibuka kepada sasterawan dan ahli-ahli seni supaya mereka ini dapat menjalankan perusahaan sendiri. Saya juga berharap, Yang Berhormat, supaya bukan sahaja kepada sasterawan, tetapi juga kepada bintang-bintang filem dan penyanyi-penyanyi - nanti mereka juga akan mogok. Jadi, saya rasa cadangan Yang Berhormat itu termasuklah penyanyi- penyanyi seperti Zaiton Sameon [Ketawa] [Tepuk] dan sesiapa lagi yang 'top' sekarang ini, supaya mereka dapat membuka perusahaan mereka sendiri.-

Saya suka menjelaskan kepada Ahli-ahli Dswan sakali pun siapa—siapalah, sama ada ahli-ahli sasterawan, ahli-ahli seni, bintang filem dan sebagainya, kalau mereka ada perusahaan hendak dijalankan dan layak mengikut garis panduan yang kita umumkan baru—baru ini, kita akan pertimbangkan [Tepuk], tetapi kalau sengaja dia.....

Puan Mazidah binti Haji Zafcaria: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan sedikit sahaja untuk penjelasan, Saya hanya hendak penjelasan dari segi apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu jika ada di antara kumpulan orang-orang seni kita yang mahu membuat perusahaan, maka akan dipertimbangkan. Adakah perusahaan ini berkaitan dengan keseniannya atau pun boleh umpamanya menjual minuman, sebagai contohnya?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. TUB ini, seperti dalam garis panduan kita, adalah untuk menggalakkan supaya usahawan kita ini menceburkan diri dalam bidang

perusahaan dan pemiagaan. Jadi, kalau mereka mempunyai projek yang berdaya-maju, atau dengati izin, viable, saya percaya pihak bank yang menguruskan TUB ini akan menimbangkan tidak kira sama ada mereka itu ialah sasterawan, ataupun ahli seni, penyanyi seperti Sudirman dan sebagainya. Jadi, tidak ada halangan dalam parkara ini. Kita tidak menilai dari segi siapa dia tetapi apa yang dia hendak buat dan cadangan mereka untuk berniaga itu.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya Yang Berhormat ada menyentuh seksyen 34A, Akta Cukai Pendapatan yang mana, seperti saya sebut, potongan dua kali adalah diberi khas kepada perbelanjaan ke atas pendidikan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Cadangan dan kenyataan Yang Berhormat itu memanglah benar dan tepat. Kita adalah sebuah negara yang mambangun dan maju dari sehari ke sehari. Kita bertolak dari sektor perindustrian pertanian kepada perindustrian pembuatan. Oleh sebab itu untuk kita maju, kita mesti mengukuhkan bidang penyelidikan ini atau R&D yang mana semua negara-negara maju mempunyai R&D mereka yang terlalu kukuh. Misalannya negara jiran kita, Thailand, daripada mereka menjalankan perusahaan pertanian yang tradisional, sekarang menjadi satu perusahaan pertanian yang modern di rantau ini dan mengukuhkan kedudukan ekonomi mereka kerana penyelidikan mereka itu kukuh. Sebab itulah seksyen-ini diadakan untuk membantu pembangunan perindustrian negara kita.

Yang Berhormat juga membangkitkan Fasal 5 berkenaan dengan sekatan yang dikenakan ke atas potongan untuk bayaran bonus dihapuskan. Ini bertujuan adalah baik untuk kita memberi galakan kepada sektor swasta, para pekerja dan majikan untuk mereka menambahkan daya keluaran mereka. Begitu juga Fasal 7 dan 8, seperti Yang

Berhormat sebut, semuanya adalah bertujuan untuk kita menggalakkan lagi pertumbuhan perindustrian kita dan boleh menyumbangkan kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi dan kalau saya tidak menjawab yang lain-lain, kita akan mengambil perhatian kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Terima kasih.

Dato' Tan Peng Khoon: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Dato' Tan Peng Khoon **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang,

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Dato' Tan Peng Khoon: Ahli-ahli Yang Berhonnat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.